



PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

MOTION—

Adjournment to a Later Day [Col. 3803]

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 3803]

BILL—

The Supply (1961) Bill—

Committee of Supply (Fourth Allotted Day)—

Head 14 [Col. 3805]

Head 15 [Col. 3844]

FEDERATION OF MALAYA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Second Session of the First Dewan Ra'ayat

Saturday, 10th December, 1960

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr. Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR,
S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.
- „ the Minister of Internal Security, DATO' DR. ISMAIL BIN
DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johore Timor).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications,
DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE'
ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- „ the Minister of Transport, ENCHE' SARDON BIN HAJI JUBIR
(Pontian Utara).
- „ the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG
YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Commerce and Industry, ENCHE' MOHAMED
KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI
TALIB (Kuantan).
- „ the Assistant Minister of Information and Broadcasting,
TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johore
Tenggara).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' ABDUL HAMID
KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang
Padang).
- „ the Assistant Minister of Rural Development, TUAN HAJI
ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, ENCHE'
CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- „ the Assistant Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKA-
VASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' MOHAMED
ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Malacca Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN (Krian Laut).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala
Kangsar).

- The Honourable **TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N.,**
P.I.S. (Segamat Utara).
- „ **TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).**
- „ **ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).**
- „ **ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).**
- „ **ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johore Bharu Barat).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).**
- „ **ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).**
- „ **TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).**
- „ **ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).**
- „ **DR. BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).**
- „ **ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).**
- „ **ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).**
- „ **ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).**
- „ **ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).**
- „ **ENCHE' V. DAVID (Bungsar).**
- „ **DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).**
- „ **ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).**
- „ **ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).**
- „ **ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).**
- „ **TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).**
- „ **TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).**
- „ **ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Malacca Selatan).**
- „ **ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).**
- „ **TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).**
- „ **ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).**
- „ **ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).**
- „ **ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).**
- „ **ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).**
- „ **CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).**
- „ **ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).**
- „ **ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).**
- „ **ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).**
- „ **ENCHE' LEE SIOK YEW (Sepang).**
- „ **ENCHE' LIM JOO KONG (Alor Star).**
- „ **ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).**
- „ **ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).**
- „ **ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).**
- „ **ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelevu-Jempol).**
- „ **ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).**
- „ **ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).**

The Honourable ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).

- „ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- „ DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
- „ ENCHE' MOHAMED SULONG BIN MOHD. ALI, J.M.N. (Lipis).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Perlis Utara).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- „ TENGKU INDRA PETRA IBNI SULTAN IBRAHIM, J.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- „ PUAN HAJJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

The Honourable the Prime Minister, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).

- „ the Deputy Prime Minister and Minister of Defence, TUN ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Malacca Tengah).
- „ the Minister of the Interior, DATO' SULEIMAN BIN DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Muar Selatan).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungei Patani).

The Honourable ENCHE' CHAN CHONG WEN (Kluang Selatan).

„ ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).

„ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).

„ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).

„ DR. LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).

„ DATO' ONN BIN JA'AFAR, D.K., D.P.M.J. (Kuala Trengganu Selatan).

„ ENCHE' QUEK KAI DONG (Seremban Barat).

„ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).

„ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Malacca).

„ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).

„ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).

„ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).

„ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).

„ ENCHE' WOO SAIK HONG, P.J.K., J.P. (Telok Anson).

PRAYERS

(Mr. Speaker in the Chair)

ADJOURNMENT TO A LATER DAY

(Motion)

The Minister of Internal Security (Dato' Dr. Ismail): Mr. Speaker, Sir, I beg to move,

That, notwithstanding the provisions of Standing Order 12, at its rising this day this House do stand adjourned to Monday, 12th December, 1960, at 10 a.m.

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan): Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That, notwithstanding the provisions of Standing Order 12, at its rising this day this House do stand adjourned to Monday, 12th December, 1960, at 10 a.m.

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS

State of Tin Mining Industry

1. Enche' V. David asks the Deputy Prime Minister to state how many tin mines have re-opened since the end of the tin control scheme and what is the approximate number of tin mining workers still unemployed.

The Assistant Minister of Rural Development (Tuan Haji Abdul Khalid): Mr. Speaker, Sir, tin control ceased to be in force on 1st October, 1960. Between this date and 31st October, 1960, the last date for which statistics are available, 38 mines either re-opened or opened for the first time.

Immediately prior to the introduction of tin control on 15th December, 1957, there were 37,171 persons employed in the tin mining industry. At the end of October, 1960, there were only 28,894 persons so employed, that is, 8,277 persons less. Many of the 8,277 persons are believed to have found employment elsewhere. It is not possible to say how many are still unemployed.

Bank Negara Tanah Melayu—Malayanization

2. Enche' V. David asks the Minister of Finance whether his Ministry will recommend a Malayan to the Post of Governor, "Bank Negara" (Central Bank) before the end of 1961, and also whether the Government supports the extension of the services of the present Australian Governor of the Bank.

The Minister of Internal Security (Dato' Dr. Ismail): The period of the appointment of the present Governor of Bank Negara Tanah Melayu was extended by one year to 25th January, 1962. A Malayan Civil Service officer, Enche' Ismail bin Mohd. Ali, has now been seconded to fill the post of Deputy Governor.

BILL

THE SUPPLY BILL, 1961

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (4th Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr. Speaker in the Chair)

Head 14—

Question again proposed.

Enche' Chin See Yin (Seremban Timor): Mr. Speaker, Sir, I refer to page 58, under Drainage and Irrigation, items 177 to 183. These are the technical men in the field of agriculture to help to improve the lot of the padi producers. In my constituency there is a place called Rantau where we have a large piece of padi field about hundred acres or a little less. This piece of land has been under water for a very long time, and two years ago there was a deviation of the Sungei Linggi by a dredging company as a result of which an area of this piece of land has now seen daylight. Sir, I believe, with these experts we have in this Ministry, something can be done to recover this piece of lost land. Once it was fertile and now it has been under water. If something can be done, I am sure the padi cultivators in that area would be very grateful.

Sir, I am sure we all appreciate the very good work that has been done and given by the Minister of Agriculture and by the members of his Ministry. From the newspaper reports we have read, I think that he has done a great deal in the fishing industry and also in the padi fields to bring out more supply of padi, which is our staple food. For the work that he has done, I think we should give him the credit that is due to him. In fact, we are grateful to him and we should be grateful for the genuine and sincere services he has rendered to this country in the field of agriculture. I am sure that the people in my area, and in my constituency in particular, would be

grateful to the Minister if he would see that that piece of land which is now under water is soon recovered, and also see that the people, the owners, are given a padi field whereby they can earn an honest living. Once again, I wish to say that he has done a good job.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya ada-lah mengalu'kan peruntukan kewangan dalam Kementerian Pertanian dan Sharikat Bekerjasama ini. Saya chuma dapat menarek perhatian dalam perkara peruntukan ini ia-lah pada muka 58 ia-itu dalam bahagian Drainage and Irrigation ia-itu di-masokkan tali ayer ka-sawah padi. Tuan Pengerusi, saya menarek perhatian Kementerian yang berkenaan dalam usaha-nya supaya memberikan perhatian kepada penanam² padi di-negeri Johor walau pun negeri ini kawasan bertanam padi-nya tidak bagitu banyak sa-bagaimana negeri² yang lain ia-itu saya minta-lah supaya Kementerian ini mengatasi kesulitan² yang telah di-kemukakan oleh penanam² padi dalam negeri Johor itu. Sejak 5, 6 tahun yang telah lalu mereka telah mengatasi kekurangan ayer masok ka-sawah mereka itu. Saya dapat menunjokkan contoh penanam padi berkehendakan sangat kerana ayer supaya di-masokkan ka-sawah-nya ia-itu di-Telok Rimba dan di-Pulau Penarek dimana kawasan ini ada-lah lebeh kurang sa-ribu ekar tanah sawah-nya. Chuma yang dapat di-masokkan ayer di-kawasan itu 40 peratus daripada bahagian kawasan ini. Sebab empangan ayer yang telah di-sediakan oleh Kerajaan di-situ tidak boleh menchukupi untuk kawasan sa-bagitu luas. Saya berpenoh keyakinan sakira-nya Kerajaan dapat melaksanakan ya'ani membesarkan empangan ini, sawah kira² 400 ekar lagi tanah dapat di-usahakan oleh penanam padi di-situ.

Tuan Pengerusi, ingin juga saya menarek perhatian ia-itu di-minta-lah kepada Kementerian ini memberi satu penyiasatan dalam sa-buah kawasan bertanam sayor orang² China yang sa-luas 1,500 ekar yang di-Gagette oleh Kerajaan bagi penanam sayor di-Solok

Mukim Tengkal. Saya dapat tahu bahawa penanam sayor ini kira² 500 orang dan boleh mengeluarkan hasil sayor dalam sa-hari sampai 15 atau 14 lori. Tetapi oleh sebab di-kawasan itu selalu di-banjir oleh ayer maka penanam² padi ini telah mengemukakan hal ini kepada Kerajaan supaya mendalam dan membersehhkan parit² dalam kawasan tanaman sayor itu tidak dapat di-laksanakan sampai sekarang. Dan dengan sebab itu penanam² sayor ini telah mengubah chara penghidupan-nya pada membuat kerja² lain. Saya perchaya sakira-nya dapat di-siasat dan di-baiki kawasan ini mereka akan kembali semula menanam sayor di-kawasan-nya. Maka dengan sebab ini kita menaruh keyakinan bahawa kemasokan sayor² daripada luar negeri akan dapat di-kurangkan.

Tuan Pengerusi, saya berchakap dalam muka 67, Sub-head 8 Agriculture Shows. Walau pun perkara ini telah di-kemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dalam Majlis ini, saya chuma hendak menarek perhatian ia-itu menyampai-kan sungutan² yang telah di-berikan oleh mereka yang telah menghantarkan barang² pertunjukan-nya seperti sayor² dan lain² bahawa mereka itu pernah tidak dapat balek barang² yang di-pertunjokkan-nya itu dan perkara ini patut-lah di-ambil perhatian dan dia fikir barang² yang di-bagi-nya untuk pertunjukan itu sudah hilang di-tengah jalan.

Tuan Pengerusi, yang kedua saya menarek perhatian dalam hal ini, sa-sorang yang telah berjaya dalam pertunjukan ini—dalam bahagian tanaman, saya mengharapkan pegawai² tanaman dalam daerah itu supaya selalu pergi memberi nasehat dan memberi galakan kepada mereka yang berjaya itu dan ini menjadi satu chontoh kepada petani² yang lain.

Enche' Harun bin Pilus (Trengganu Tengah): Tuan Pengerusi, saya ingin hendak berchakap berkenaan dengan Drainage and Irrigation. Berkenaan dengan tali ayer ini, di-Negeri Trengganu Kerajaan telah pun menjalankan

usaha² mengadakan tali ayer, boleh dikatakan segala usaha yang mana di-buat oleh Kerajaan itu ada-lah memberi kebajikan kepada petani² di-sana. Tetapi walau pun bagitu, malang-nya di-tempat yang patut ada tali ayer di-Negeri Trengganu sana tidak ada langsung di-buat oleh Kerajaan, yang mana boleh menolong petani² dalam daerah itu. Dan juga di-Besut, tali ayer sana yang di-buat oleh Kerajaan memang-lah memuaskan hati tetapi maseh banyak berkehendakkan kepada tali² ayer ini. Jadi, saya menarek perhatian kepada Menteri yang berkenaan ini, mudah²an bertambah-lah lagi ranchangan hendak meluaskan tali ayer di-sana.

Tuan Haji Hassan bin Haji Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap di-atas Item 177, muka 58. Saya mengambil peluang berchakap dalam perkara batas yang mana di-masoki oleh ayer masin ia-itu di-kawasan saya dan lain² kawasan seperti di-Kampung Toh dan beberapa buah kampung lagi. Sebab, sudah beberapa lama beribu ekar tanah bendang di-situ tidak dapat hasil padi yang menyebabkan penduduk di-berapa buah kampung menjadi kechil kehidupan mereka itu. Sebab pada musim tengkujuh bendang² itu di-masoki oleh ayer masin melalui aliran sungai di-Kampung Tuai yang sa-panjang agak lebeh kurang satu batu.

Tuan Pengerusi, saya sangat per-chaya kalau di-buat batas sa-panjang tebing sungai itu menahan daripada ayer masin masuk ka-bendang padi yang seribu ekar itu akan mendapat hasil yang banyak dan tidak-lah merugikan usaha² pak tani di-situ pada tiap² tahun menanam padi. Bendang² padi ini-lah tempat bergantung-nya nafkah kehidupan beberapa buah kampung di-sana. Saya telah beberapa kali di-desak oleh penduduk² di-kampung ini supaya di-ketengahkan perkara ini. Oleh itu saya minta kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat melawat di-tempat ini dan mengadakan batas² untuk menahan daripada ayer masin.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi,

saya hendak berchakap di-atas peruntokan wang pada Menteri yang bertanggung jawab berkenaan dengan berchuchok tanam. Saya bersama² rakan saya di-sini juga menguchapkan sa-tinggi² tahniah atas segala²-nya yang di-usahakan dengan kejayaan² yang di-dapati di-dalam kemajuan berchuchok tanam di-bawah Kementerian-nya. Kejayaan² itu ia-lah satu kejayaan yang chemerlang sa-telah negeri ini di-tinggalkan oleh penjajah. Tetapi kejayaan² itu, Tuan Pengerusi, tentu-lah tidak menchukupi yang di-kehendaki oleh ra'ayat jelata. Dalam tugas² Menteri ini, maka saya memandang ia-lah satu tugas yang sangat² luas dan suka-lah saya memberi sedikit fikiran sungguh pun fikiran saya ini chetek tetapi mudah²an akan dapat di-pertimbangkan segala fikiran saya itu. Saya memandang ia-itu ada tugas yang patut saya suarakan dan saya perchaya akan dapat menambah kejayaan² lagi dalam negeri ini. Satu daripada tugas yang besar ia-lah membuat dasar². Dalam membuat dasar ini yang telah sudah², saya memerhatikan ia-lah kegiatan hendak memodenkan chara pertanian dan sa-bagai-nya oleh Kementerian ini.

Dalam segi ini oleh sebab kedudokan di-kampung² terutama peladang² yang maseh lagi kuno, yang mana maseh lagi jauh ka-belakang jika dibandingkan dengan negeri² yang bertamaddun, tentu-lah ta' dapat bagi mereka² itu mengejar dasar yang di-ranchangkan sa-chara moden ini. Saya harap di-ambil perhatian yang berat supaya Menteri itu menumpukan tenaga untuk menepati keadaan² yang ada dalam negeri kita ini supaya keadaan² pertanian yang ada dapat di-perbaiki sesuai dengan kedudokan peladang² dan juga petani² dalam negeri kita ini.

Satu tugas yang besar ia-lah hendak melihat segala yang hendak di-arahnya berjalan dengan betul dan lancar. Maka dalam hal ini ia-lah satu tanggung jawab-nya melihat segala kaki-tangan dan pegawai² yang ada dalam Kementerian-nya supaya menjalankan kerja² dengan betul seperti mana yang di-kehendaki itu. Dalam

hal ini saya suka menarek perhatian berhubung dengan Agriculture—Agricultural Officer dan Agricultural Assistant. Sa-telah kita merdeka mereka² ini menjalankan pekerjaan² mereka itu di-mana saya sendiri tidak puas hati oleh sebab mereka ini mementingkan dudok dalam pejabat sahaja dan mereka yang ada di-tempat saya tidak memberi penerangan atau memberi pelajaran atau menyiasat kedudokan² dalam kampung berkenaan dengan berchuchok tanam dan sa-bagai-nya. Saya sendiri telah dua tiga kali chuba hendak berunding, tetapi malang-nya saya tidak dapat kerjasama untuk membawa mereka itu ka-kampung² supaya mereka dapat memberikan pelajaran kepada orang² kampung untuk menetapkan atau memenohi kehendak orang² kampung di-tempat² itu.

Muka 55, Research Branch—Senior Research Officer. Belanja untuk mereksa dan menyiasat tanah² yang ada dalam kampung bagi daerah saya di-mana banyak tanah² yang luas telah di-jayakan oleh orang² kampung, tetapi malang-nya oleh sebab keadaan sungai² sudah kering atau pun sudah beralah tempat maka tempat itu ta' dapat di-jayakan lagi. Ini saya rasa tanggung jawab Agricultural Officer untuk menyiasat di-atas apa-kah chara-nya hendak memperbaiki sa-mula sawah² yang luas di-tempat saya itu.

Muka 57—Publication Branch. Saya harap publication di-adakan lebeh banyak lagi oleh sebab penerangan di-buat oleh pegawai² itu ta' dapat 100 peratus, tetapi dengan penerangan sa-chara publication ini akan dapat di-luaskan lagi kepada orang² kampung supaya dapat di-beri nasehat yang berguna kepada mereka itu.

Muka 58—Drainage and Irrigation Division. Sa-bagaimana yang saya terangkan tadi jangan-lah hendak-nya menumpukan 100 peratus perkara Drainage and Irrigation seperti mana yang di-buat oleh Kerajaan yang memajukan di-sabelah pantai barat sana seperti di-Kedah. Kerana negeri ini seperti negeri Pahang kedudokan-nya sangat berbeza dan tidak boleh di-buat sa-chara itu. Saya ada beberapa

kali membinchangkan dalam meshuarat luar bandar daerah berkenaan dengan Drainage and Irrigation di-daerah saya, tetapi pegawai di-sana mengatakan yang mereka di-arahkan jangan membuat apa² di-kawasan² kampung yang kecil, di-sabalek-nya mereka di-kehendaki menumpukan kepada tempat yang besar sahaja yang ada dalam lengkongan sawah 1,000 atau 2,000 ekar. Maka ini-lah perkara sangat tidak memberi puas hati kepada orang ramai, kerana kampung² di-tempat saya itu bertompok². Maka saya mintalah kepada yang berkenaan supaya Drainage and Irrigation ini menumpukan juga tenaga chara² untuk mendapatkan ayer di-kawasan² kecil ini.

Saya perchaya, Pegawai² D.I.D. ini kalau di-beri kursus atau di-hantar ka-Indonesia atau ka-Burma untuk melihat chara bagaimana orang² di-sana memberikan ayer di-tempat² yang kecil dan juga di-leretan bukit² dan gunung² supaya suatu chara dapat memberi ayer ka-kawasan khas-nya kepada orang kampung yang tinggal berderet² di-sungai Pahang. Bagitu juga saya suka membawa perhatian berkenaan dengan Technical Assistant dalam Drainage and Irrigation yang mana satu dua perkara yang telah terjadi ia-itu perkara Drainage and Irrigation yang di-ranchangkan untuk membuat empangan ayer dan sa-bagainya. Dalam meranchangkan ini sungoh pun orang² kampung telah memberi pandangan, nasehat dan chara hendak membuat-nya dengan belanja yang murah, tetapi mereka² ini membuat ranchangan²-nya dua kali lipat ganda belanja-nya lebeh dari anggaran yang di-chadangkan oleh orang² di-kampung itu, tetapi sa-balek-nya sa-telah ranchangan itu di-buat dengan memakan belanja yang berlipat ganda itu maka tidak sampai 3 bulan ranchangan itu telah jahanam. Ini rasa saya tanggung jawab Kementerian yang berkenaan supaya mengawasi segala pekerjaan Technical Assistant dalam Drainage and Irrigation itu.

Muka 59—Veterinary. Ini ada-lah satu² pejabat yang belum lagi mendapat keperchayaan dari orang² kampung. Oleh itu saya berharap Pegawai² Veterinary sa-bagaimana Agricultural

Officer, mendampingkan diri mereka kepada orang² kampung lebeh rapat lagi dan juga memberi nasehat bagaimana-kah chara menternak di-kampung² boleh di-perbaiki, dan jangan-lah hendak-nya membawa satu perkara yang baharu yang mungkin ta' boleh di-terima oleh orang² kampung.

Muka 63—Co-operative Development. Co-operative Officers di-tempat saya sana menjalankan kerja-nya sangat-lah terhad. Mereka tidak dapat menjalankan kerja-nya dengan lebeh luas dan lebeh jauh, oleh sebab kedudukan perjalanan sangat sukar di-tempat saya, maka saya perchaya Yang Berhormat Menteri Pertanian akan dapat memberi pandangan yang berat supaya mereka di-beri peluang menjalankan kerja-nya dengan lebeh berat dan lebeh lancar lagi pada masa kahadapan dengan memberi pengangkutan.

Muka 67, sub-head 8—Agricultural Shows peruntukan sa-banyak \$4,500. Saya perchaya tentu-lah wang ini akan di-gunakan k a p a d a pertunjukan tahunan yang kita adakan di-ibu kota ini. Dalam pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang telah kita adakan pada tiap² tahun dalam Agricultural Shows ini maka saya dapat telah menjadi tempat orang² perniagaan mengiklankan perniagaan²-nya.

Oleh itu saya rasa tujuan show (pertunjukan) ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah hendak menggalakkan orang kampung mengeluarkan bahan² yang elok supaya di-tandingkan, dan dengan mengadakan pertandingan ini mereka akan berusaha lebeh lagi guna membaiki keluaran barang² mereka. Pada masa sa-belum perang dahulu tiap² negeri mengadakan show ini tiap² tahun, tetapi pada masa yang akhir² ini, perkara ini tidak di-buat lagi. Saya rasa perkara ini elok kalau kita dapat adakan pada tiap² tahun di-tiap² negeri supaya bahan² yang di-keluarkan oleh petani² kita itu dapat di-tandingkan; ini menjadi galakan kepada orang ramai berchuchuk tanam dan berternak ayam, itek dan sa-bagainya untuk membaiki lagi kedudukan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Fruit and Vegetable Canning

wang sa-banyak \$429.00 telah di-untokkan yang mana saya rasa pada tahun dahulu tidak ada; saya kurang faham dalam hal ini, tetapi ini ada-lah satu langkah yang sangat elok untuk menyiasat lagi kedudukan buah²an yang ada dalam negeri ini supaya di-masokkan dalam tin dan menjadi satu pasaran dalam dunia ini. Sebab saya dapati dalam negeri ini buah rambutan sangat di-gemari dan di-sukai di-tanam oleh petani² kita yang di-kampung. Pada masa 2-3 tahun ini buah ini sangat jadi, dan ada di-satengah² tempat itu oleh sebab banyak-nya, maka harga-nya jatuh sa-hingga sa-tengah sen sa-biji. Jikalau Menteri yang berkenaan menyiasat untuk memasokkan-nya kadalam tin, maka saya perchaya-lah perusahaan itu akan berlipat ganda dan akan mendapat hasil yang besar bagi negeri kita.

Berhubung dengan Sub-head 91 dan 93 ia-itu berkenaan dengan Special Constable, saya harap perhatian yang istimewa hendak-lah di-tumpukan kepada mereka ini, kerana pada masa yang lalu di-tempat saya, segala bantuan² yang di-beri kepada mereka ini mengkechiwakkan. Saya perchaya dengan ada-nya Ranchangan Pembangunan Luar Bandar, maka mereka ini akan dapat masok dalam ranchangan ini dan juga mendapat bantuan dan jua sugu hati, kerana membalas jasa mereka² ini berkhidmat kepada negeri kita.

Berkenaan dengan Sub-head 123. Purchase of Pigs yang mana pada tahun lepas tidak ada perbelanjaan-nya, bagi pehak saya ada lebeh baik perbelanjaan ini tidak di-adakan, tetapi saya tidak tahu sama ada Menteri yang berkenaan hendak menolong atau menepati kehendak² yang di-minta oleh Kerajaan Kelantan yang mengagongkan menganut ugama Islam.

Pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak puas hati jikalau sa-kira-nya saya tidak menjawab kechaman² yang telah di-buat oleh pehak pembangkang terhadap kami ia-itu back-benchers yang mengatakan kami ini mengecham Menteri dan telah berpechah-belah. Saya suka bertanya kepada pehak pembangkang ada-kah mereka itu betul² memuji Menteri ini

atas segala ranchangan-nya? Saya belum mendengar lagi suara² mereka itu untuk menggalakkan orang ramai membeli sher dalam ranchangan urea ini. Jadi ini saya rasa yang dalam bahasa Inggeris-nya "lip service".

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman (Pontian Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi tahniah yang suchi dan ikhlas kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian, kalau sahabat saya memanggil-nya pak Menteri; biar-lah saya memanggil-nya anak Menteri. Tuan Yang di-Pertua, kechaman daripada pehak pembangkang berkenaan dengan perbelanjaan tahun ini telah di-kurangkan daripada tahun lepas. Pehak pembangkang itu, Tuan Yang di-Pertua, hendak-lah sedar bahawa anak Menteri ini ia-lah sa-orang ahli jimat-chermat yang mengelolakan sharikat kerjasama. Ia boleh membuat berbagai kerja dan ranchangan baharu dalam Estimates, 1961 walau pun perbelanjaan-nya kurang; di-sini-lah terletak-nya jimat-chermat yang sa-benar²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan Kolej Shariat Kerjasama di-Petaling Jaya. Pada tahun dahulu masa membuka sambongan kolej itu, di-situ tidak ada wanita yang berlateh, yang ada hanya pegawai sahaja yang menerima surat akuan. Di-ketika itu saya telah bertanya, tidak ada-kah wanita Tanah Melayu berlateh di-sini? Pehak yang bertanggung-jawab menjawab, ibu jangan susah, dalam tahun 1960 semuanya ada. Bagitu juga masa saya melawat Kolej Tanaman di-Serdang, saya bertanya, mana penuntut wanita? Bagitu ramai-nya bilangan wanita di-Tanah Melayu tidak ada di-sini. Jawab-nya, ibu jangan susah hati, penuntut wanita itu akan ada. Alhamdulillah! nampak-nya Menteri², khas-nya Menteri Pertanian ia-lah sa-orang yang selalu menunaikan janji. Di-dalam kawasan saya sendiri ia-itu Pontian Selatan apabila saya menyebutkan tempat perikanan di-kawasan Kukop dahulu yang mana orang di-sana sebok dan gadoh dan lain², Yang Berhormat Menteri Perikanan telah memberi kesanggupan apa yang di-minta itu. Apabila saya melawat di-tempat itu, saya bertanya kalau ada apa² lagi yang kekurangan,

jawab-nya tidak ada. Yang Berhormat Menteri Perikanan telah menunaikan janji-nya; saya sanjong tinggi anak Menteri ini (*Ketawa*).

Sa-perkara lagi ia-lah berkenaan dengan kilang nanas di-kawasan saya sendiri. Orang di-tempat saya gadoh mana kilang (factory) nanas yang di-janjikan oleh Menteri, kata saya, nanti. Menteri itu tidak mungkir janji. Apabila perkara itu di-beri tahu, anak Menteri itu berjanji, kilang nanas itu akan di-buka tidak berapa lama lagi, dan saya perchaya janji-nya itu akan di-tepati; ia tidak biasa mungkir janji.

Yang kedua berkenaan dengan—minta ma'af—saya menengok point, bukan hendak membacha—berkenaan dengan melateh wanita² di-College Sharikat Bekerjasama di-Petaling Jaya, saya terasa ini-lah kerja yang sangat mustahak wanita di-beri latehan jimat-chermat di-sini, oleh sebab kema'amoran di-negeri ini ia-lah di-tangan wanita. Kalau wanita yang biasa-nya membelanjakan segala pendapatan kaum lelaki, kalau wanita di-beri pelajaran jimat-chermat tanda-nya negeri ini ma'amor-lah. Tuan Pengerusi, tidak ada apa² lagi yang hendak saya chakapkan, sa-kali lagi saya beri tahniah kepada anak Menteri ini.

Datin Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya tidak mahu ketinggalan pada memberikan ucapan tahniah kepada Kementerian Pertanian ini yang telah membentangkan Anggaran Perbelanjaan-nya dalam Dewan ini. Sambil itu saya suka memberi perhatian terhadap Kementerian ini didalam muka 64, Item (342) Co-operative Marketing Officer. Sunggoh pun dalam perkara ini banyak Ahli² Yang Berhormat di-sini telah memberikan pandangan terhadap Kementerian Pertanian dan Sharikat Berkerjasama tetapi saya suka juga mengambil peluang untuk menyambong pandangan² mereka itu, yang mana saya sendiri selalu pergi ka-kampung² dalam Persekutuan Tanah Melayu ini, perkara ini ada mendapat sungutan. Yang menjadikan kerunsingan kepada saya, khas-nya daripada kaum ibu di-kampung² yang mana sekarang

juga saya nampak rajin mereka itu di-dalam perusahaan tangan yang telah di-beri latehan oleh Perkumpulan Perempuan, yang mana memberi latehan pertukangan tangan saperti membuat beg² mengkuang, pandan dan bunga² plastik, halua atau jerok dan mereka juga berusaha menghidupkan balek pekerjaan lama ia-itu tekat-menekat berkenaan dengan sulam-menyulam daripada benang mas. Yang menjadi kemushkilan kepada kaum² ibu di-kampung yang mana mereka² itu telah pandai membuat perusahaan² itu dengan chantek dan molek juga memuaskan tetapi dukachita-nya benda² perusahaan mereka itu tidak pula menjadi mata pencharian bagi mereka sama ada gulongan perempuan juga anak² muda yang telah di-ketahui di-sana banyak yang pandai membuat perusahaan saperti itu. Dari itu saya berharap supaya Co-operative Marketing Officer ini mengadakan pasaran untuk jualan barang² ini, patut kita adakan di-tiga tempat dalam Persekutuan Tanah Melayu, di-utara, di-selatan dan di-pantai timur. Saya faham, perkara ini ada-lah masuk atau bersangkutan dengan Kementerian Perusahaan tetapi jikalau di-adakan pasaran atau industry saperti ini akan dapat-lah berkerjasama dengan Kementerian Perusahaan dan Kementerian Perusahaan itu pula akan memajukan perkara ini dengan beli, jual luar negeri atau sa-bagai-nya, supaya mendapatkan mata pencharian orang kampung khas-nya kepada kaum² perempuan dan pemuda² mudah²an dengan ada pandangan saya ini di-ambil langkah tidak-lah sia² pekerjaan mereka itu dan menjadi tersekat begitu sahaja perusahaan atau kerjasama mereka itu.

Enche' Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di-sini pada pagi ini suka mengalu²kan peruntukan perbelanjaan berhubung dengan Kementerian ini. Ada-lah di-perchayai bahawa segala perubahan² yang di-lakukan itu akan membawa faedah yang paling besar sa-kali bagi petani², kerana Kementerian ini boleh di-katakan Kementerian yang paling rapat sa-kali dengan orang²

kampong terutama sa-kali petani², kaum nelayan dan lain²-nya.

Saya suka hendak menarek satu perhatian kepada muka 54 berhubung dengan Agriculture Division. Sa-lain daripada ranchangan² Kerajaan untuk memajukan tanaman padi, juga saya mengeshorkan kepada pehak yang berkenaan supaya dapat memajukan tanaman tembakau dalam negeri ini, kerana boleh di-katakan 80 peratus orang diwasa di-negeri ini mengisap rokok dan menggunakan tembakau. Jadi, kalau sa-kira-nya dapat kita memajukan bahagian ini dalam negeri kita ini, alang-kah baik-nya, alang-kah besar faedah-nya bagi negeri kita ini.

Di-negeri saya, Perlis atau di-daerah Perlis Utara banyak daripada orang² China bertanam tembakau ia-itu bertanam di-atas tanah² baharu sa-belum di-tanam getah. Jadi, erti-nya pekerjaan mereka itu tidak mendapat jaminan yang sewajar-nya kerana tanah² tempat bertanam tembakau itu ada-lah bahagian tanah baharu sa-belum bertanam getah. Jadi, kalau boleh pehak Kementerian yang berkenaan dapat berurus dengan Kerajaan negeri supaya dapat-lah berikhtiar ia-itu mengadakan kawasan yang khas bagi bertanam tembakau itu.

Perkara yang kedua, soal perikanan. Saya sangat tertarek hati atas ranchangan Kerajaan pada hari ini untuk menjalankan ranchangan memelihara ikan. Saya suka mengeshorkan juga ia-itu di-kawasan saya ia-itu di-Padang Lati, di-sana ada sa-buah paya atau tasek, ayer-nya elok tenang dan luas-nya kira² 3 batu persegi. Di-tempat itu kosong begitu sahaja walau pun ayer-nya tenang. Oleh kerana sekarang ini banyak pelanchong² ia-itu pelawat² daripada luar negeri melawat di-situ kerana memerhatikan keadaan di-tempat yang elok itu, kalau sa-kira-nya tempat ini di-buat memelihara ikan alang-kah baik-nya, alang-kah besar faedah-nya bagi Kerajaan kita ini. Di-tempat ini saya perchaya akan menjadi satu chontoh kepada tempat² lain kerana memandangkan keadaan ayer-nya yang tidak pernah kurang sa-lama²-nya itu.

Perkara yang ketiga, saya suka berchakap di-sini ia-lah berhubung dengan kayu²an. Di-Perlis, pada masa dahulu ada 5 kilang kayu, dua daripada-nya di-punya² oleh orang Melayu dan tiga di-punya² oleh orang yang bukan Melayu. Tetapi oleh sebab kayu² itu tidak banyak di-dapati oleh kilang² kepunyaan orang Melayu kita maka kedua-nya tinggal begitu sahaja. Pada hal mengikut dasar negeri Perlis itu di-beri kepada orang² Melayu dan dua-pertiga di-berikan kepada semua bangsa. Tetapi oleh sebab tidak cukup penyiasatan dari pehak yang berkenaan, boleh di-katakan satu nasib yang tidak baik juga bagi kilang² Melayu itu tertutup sahaja.

Perkara yang keempat, saya suka hendak berchakap sedikit berkenaan dengan tempat memelihara kerbau di-Padang Besar. Saya suka meminta kepada pehak yang berkenaan supaya mengawasi dalam perkara ini kerana saya dapat tahu, beberapa kali sudah berlaku kechurian kerbau.

Dan lagi berkenaan dengan hutan simpan, saya suka meminta pehak yang berkenaan supaya menyiasat hutan simpan sa-penoh²-nya, mana-kah tempat boleh di-tanam kayu² di-mana-kah tempat yang patut di-buka kepada ra'ayat untuk membuat bendang dan sa-bagai-nya. Kerana, saya bagi satu mithalan ini, Forest Reserve di-kawasan saya—di-Bukit Banting, saya dapati Forest Reserve itu ada beratus² gelong di-kelilingi sungai dan sentiasa di-hapusi oleh ayer bah. Jadi, sa-lain pokok² yang tumbuh itu tidak ada pokok² lain hanya ada pokok hutan pokok² yang tidak berharga. Jadi, kalau tempat ini di-siasat dan di-berikan peruntukan dan di-buka sedikit sa-banyak dan kalau boleh untuk diberikan kepada ra'ayat, alang-kah besar faedah-nya kepada ra'ayat yang tidak cukup tanah pada masa ini.

Bagitu juga dalam satu perkara berhubung dengan ternakan—ayam, itek dan kambing. Saya mengalu²kan segala usaha pegawai² itu terutama sa-kali pegawai² sharikat di-Perlis. Saya suka juga menganjorkan kalau sakira-nya dapat pegawai² di-Perlis itu

menganjorkan satu ranchangan menternak binatang² seperti ini di-Negeri Perlis untuk di-perhatikan oleh negeri² lain. Jangan-lah kita bersharah, berchakap atau menyeru sahaja, tetapi lebeh baik kita memberi chontoh kapada ra'ayat dengan lebeh sempurna.

Berhubung dengan Tali Ayer saya juga mengalu²kan ranchangan Kerajaan untuk menyiasat meratakan tempat² dengan memberi Tali Ayer dan dengan baik-nya pekerjaan itu telah terlaksana di-Negeri Perlis. Maka pada tahun 1961 ini Negeri Perlis akan membantu membuat Ranchangan Bertanam Padi dua kali satu tahun. Saya menguchapkan terima kaseh kapada pehak yang berkenaan, kerana siasatan yang rapi dan daya ikhtiar yang baik dapat dibuat bendang mulai dua kali satu tahun pada tahun hadapan.

Enche' Ismail bin Idris (Penang Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sangat dukachita sa-kira-nya saya tidak memberi pandangan dalam Majlis ini perasaan sa-suatu kaum ia-itu pehak orang laut—orang² menangkap ikan dalam kawasan saya. Berhubung dengan muka 66, item (407) dan item (408). Dalam bulan January dan June tahun ini saya telah menerima dua aduan daripada penduduk² kawasan saya tegas-nya nelayan² yang telah mengadu berkenaan dengan pukat dan belat mereka telah di-churi orang. Ini ada-lah merugikan sa-bahagian besar daripada modal nelayan² itu. Perkara ini telah saya bawa kapada pehak yang berkuasa perikanan Pulau Pinang dan saya sendiri salah sa-orang yang telah sama² melihat tempat terjadi-nya kechurian dan kerosakan itu, tetapi malang-nya segala penyiasatan dan kerja² yang telah di-jalankan oleh pegawai² itu tidak memberi hasil apa² pun. Oleh itu saya minta kapada Yang Berhormat Menteri kita atau Kementerian ini supaya menchari satu jalan muga² perkara yang semacham itu yang merugikan nelayan² yang miskin agar tidak akan berlaku pada masa hadapan.

Selain daripada itu saya suka juga membawa perhatian Yang Berhormat Menteri berhubung dengan sub-head 41—Animal Husbandry Education.

Dalam kawasan saya banyak orang² yang sekarang mengambil bahagian dalam menternak ayam sa-hingga satu² keluarga itu dapat membela di-antara 1,000 sampai 10,000 ekor ayam. Saya menguchapkan berbanyak terima kaseh kapada sa-orang taukeh China yang telah memberi jasa yang banyak untuk memberi pelajaran kapada anak² muda bagi mempelajari bagaimana hendak menternak ayam, di-samping ia bersama² memberi sharahan dalam pelajaran Animal Husbandry ini. Apa yang saya minta pada hari ini berhubung dengan soal memberi pelajaran yang semacham itu hendak-lah di-kerjakan oleh pehak Kerajaan supaya dengan yang demikian tentu-lah akan mendapat kemudahan yang lebeh baik dan sempurna dalam pelajaran itu.

Saya uchapkan terima kaseh dan tahniah kapada Yang Berhormat Menteri Pertanian berhubung dengan Sharikat Kerjasama, kerana dengan ada-nya nasehat dan sharahan yang di-beri oleh pegawai² hari ini maka saya dapati terutama petani²—orang² yang membuat bendang telah merasa nekmata dengan ada-nya petani² itu membuat sharikat² kampung. Dengan ada-nya beberapa sharikat kampung pada hari ini telah dapat mengeluarkan satu kumpolan sharikat yang di-jadikan kumpolan sharikat Bank Negeri. Saya telah di-beritahu oleh Pengerusi Sharikat Bank itu bahawa wang sabanyak \$200, di-untokkan kerana memberi pinjaman kapada petani² yang menjalankan sawah² itu. Saya uchapkan terima kaseh di-atas kesempatan itu dan saya hanya meminta supaya Yang Berhormat Menteri kita dapat memberi sedikit lagi nasehat dan penerangan kapada petani² itu menerusi Pegawai² Pertanian supaya menggalakkan pesawah² itu membuat dua kali dalam satu tahun dan dengan ada-nya bersawah itu dua kali satu tahun maka tentu-lah akan lagi bertambah pendapatan bagi petani² itu, walau bagaimana pun keadaan petani di-kawasan saya ada-lah lebeh baik daripada yang sudah².

Enche' Chan Yoon Onn (Kampar): Mr. Speaker, Sir, I rise not in opposition to this part of the Budget, but would like to touch on the Research

Branch. Sir, I come from a constituency where there are few padi fields, dry or wet, but where there are more mining lands, and in this field of mining we have a lot of production.

Honourable Members will be aware that rice is the staple food of Malaya as well as the whole of South-east Asia. I know that a lot of discussion has taken place earlier regarding padi fields, in regard to wonder seed, and also about the wonder hen in the Ministry of Agriculture, but I see here that there is no provision of any research fund at all for improving the padi yields and other agricultural produce. If my memory serves me right, I have heard a few years back of some research into synthetic rice. We have heard of synthetic rubber and synthetic produce of other kinds. I think, Sir, there is a potential way of getting artificial rice. I have read in the papers a few years back that a certain Government has started this project, but up to now I have not heard whether production has already started. I think that if our nation has this idea in hand, there is a possibility that we can even lead in the research field, and I hope the Ministry will provide some research fund and a guarantee for those persons who can discover such synthetic rice in the future. I do not intend to speak very much on this subject, but I think, if I am not mistaken, this potentiality can be put into effect if we have encouragement and guarantee from the Ministry.

Enche' Lee Siok Yew (Sepang): Mr. Speaker, Sir, I have only two small points here. I would like to refer to Drainage and Irrigation Assistants. Sir, in the district of Kuala Langat we have only one Technical Assistant. Therefore, during the rainy season quite a number of vegetable planters during the course of a flood were suffering from a loss of income; particularly at Tanjong Sipat, the vegetable planters were losing above \$15,000. These losses are of sufficient magnitude as to cause hardships to those families concerned. For this reason, Sir, I appeal to the Minister concerned to consider the setting up of a suitable scheme to alleviate such flooding, and thus help

the people of this locality to get a better standard of living.

Secondly, I wish to refer to the Fisheries Assistants. At Port Swettenham there is a Fisheries Board and this Board has only two Fisheries Officers and this Board is a very small Board. I have been there several times, and sometimes I even cannot see those officers there, because both of them have gone out-station. That is why if the two Fisheries Assistants leave the office there is nobody in the office—also there is no telephone there. There is also no clerk there. These Fisheries Assistants are also clerks and peons at the same time. I urge the Minister concerned to provide at least one clerk or another Fisheries Assistant. Thank you.

Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap sedikit sahaja berhubung dengan ucapan Yang Berhormat Menteri Pertanian yang menyatakan kemerdekaan politik telah di-chapai, tetapi kita maseh lagi belum dapat mengisi dalam lapangan ekonomi, scientific dan technology. Jadi ini adalah satu ucapan yang tegas dan ini adalah satu perkara yang memimpin ra'ayat. Dalam bahagian pertanian ini saya suka hendak menerangkan bagaimana dasar penjahaj yang telah meletakkan ra'ayat yang asli negeri ini kepada agraria, dan dengan jalan itu-lah chengkaman pengaruh penjahaj lebeh burok terhadap orang negeri ini. Jadi usaha Kementerian ini mesti-lah di-tumpukan sa-kuat²-nya supaya saimbang dengan lapangan yang telah ada seperti di-lapangan Commerce dan Industry.

Saya suka hendak berchakap berkenaan dengan Kementerian Pertanian. Negeri kita ia-lah negeri yang subor kalau di-bandingkan dengan lain² negeri. Banyak tanah Kerajaan yang terbuang, kerana penoh dengan lalang. Perkara ini patut di-ambil perhatian oleh Kerajaan supaya mematikan lalang² itu dan di-tanam pokok yang pada suatu masa kelak boleh mendatangkan hasil kepada negeri ini. Sa-lain daripada itu ia-lah Kolej Pertanian, saya rasa elok-lah bahagian ini di-tunjokkan chontoh pokok² commercial

dan pokok² bunga sa-bagai tanam²an di-tepi² jalan, kerana negeri ini selalu di-datangi oleh pelawat², ini boleh-lah menjadi tuntunan yang sentiasa merupakan kechengasan dan keindahan negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap pada muka 55 Sub-head 93. Botanist. Saya rasa botanist ini ada-lah berkenaan dengan tanam²an sahaja. Saya suka hendak menarek perhatian supaya botanist ini di-perluaskan lagi dengan bekerjasama dalam lapangan medical dan berusaha mengadakan herbarium yang complete untuk memajukan lagi commercial perubatan dalam negeri ini. Saya hendak menarek perhatian keadaan ini pada surat khabar *Times of Malaya and Straits Echo* yang bertarikh 25 November yang berbunyi:

"New herbalist's claim—'Teacher's father recovered after given little hope of living'." dan di-situ juga mengatakan:
"Medical cure for cancer reported in Penang."

Maksud saya memberi chontoh ini ia-lah bahawa negeri ini ada tumbuh²an yang boleh di-jadikan commercial yang boleh di-samakan dalam bahagian pasaran dan chara perubatan.

Sekarang saya berpaling kapada Research Branch. Negeri Trengganu terlalu luas dengan tanah pasir yang pokok² tidak mahu tumbuh dengan subur-nya, tempat-nya molek sa-kali kerana di-tepi pantai dan kawasan-nya panjang. Saya berharap Research Branch ini melanjutkan usaha-nya supaya tempat itu dapat memberi hasil yang baik, dan keadaan di-tempat itu sangat molek dari segi 'alam, tetapi keadaan tanah-nya mengechiwakan. Kalau bahagian research ini berusaha menyuborkan tempat itu tentu-lah berfaedah kapada ra'ayat.

The Minister of Agriculture and Co-operatives (Enche' Abdul Aziz bin Ishak): Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kapada Ahli² Yang Berhormat Majlis ini mahu pun dari pehak Perikatan atau pun pehak pembangkang kerana memberi tahniah atas jasa² yang di-jalankan. Sunggoh pun chara yang di-katakan dalam bahasa Inggeris back scratching itu, kadang² bila kita

back scratching itu kuku-nya panjang. Jadi, oleh kerana panjang kuku-nya itu luka-lah sadikit badan-nya, itu bukan dengan sengaja. Bila niat itu baik, niat itu hendak menggaru belakang tetapi lupa hendak kerat kuku, jadi kadang² luka-lah sadikit tetapi ta' mengapa-lah (*Ketawa*).

Berkenaan dengan perkara yang di-katakan dalam bahasa Inggeris oleh pehak² pembangkang yang menudoh ya'ani perbelanjaan bagi Kementerian Pertanian dan Sharikat Bekerjasama ada-lah kurang pada tahun hadapan dibandingkan dengan tahun ini. Saya telah terangkan ya'ani kekurangan itu oleh sebab kekurangan bahagian bekas Mata² Khas \$3 juta. Tetapi jika di-selideki ada-lah di-dapati tambahan bagi serata-nya ada-lah \$443,819 ya'ani bertambah bukan kurang.

On the question of the comments made by Members of the opposite bench, in particular by the Member for Dato Kramat, there has already been close co-operation and co-ordination between the Ministry of Agriculture and Co-operatives and the Ministry of Rural Development. In fact, the Prime Minister is the Chairman of the Rural Development Council, which is the National Development Council, of which I am a member myself and so are a few other Ministers. But what is important is that, apart from the Minister of Rural Development and his assistant, the only other Minister in the Executive Committee of the National Development Council is the Minister of Agriculture and Co-operatives. So, there is close liaison and close understanding on rural development work. Now let me go one by one and try to reply to them.

Ahli Yang Berhormat daripada Lipis, telah menguchapkan tahniah dan juga telah meminta beberapa penjelasan. Saya menguchapkan terima kaseh. Adalah perkara pakar untuk menyiasat makanan ayam dan sa-bagai-nya, sudah ada dalam negeri ini sa-orang pakar daripada Pertubohan Bangsa Bangsa Bersatu bahagian pertanian dan makanan untuk menyelideki chara² mana kita dapat menggunakan bahan² mentah yang pada hari ini kita

buangkan seperti kulit nenas, ubi kampak, kulit kayu dan sa-bagai-nya dijadikan ikan busok untuk bahan makanan yang di-keluarkan di-negeri kita sendiri bagi makanan ayam itek di-negeri kita ini.

Berkenaan dengan kelapa, penyiasaan atau penyelidikan telah di-jalankan sa-lama dua tiga tahun yang lalu. Saya fikir perkara hendak membaiki keadaan kelapa atau kawasan² kelapa itu akan di-jalankan dan wang bagi peruntukan itu sa-banyak lebih kurang \$10 juta dalam rancangan kemajuan 5 tahun yang kedua untuk membaiki keadaan pekebun² kelapa telah di-untokan.

Berkenaan dengan tali ayer di-Pahang, memang-lah kawasan di-Pahang itu sekarang sedang di-tumpukan dengan penoh tenaga dan usaha pegawai² perikanan bahagian Bentong, Temerloh dan Lipis. Dan bilangan kolam² dan sungai yang sudah di-isi ikan ada-lah lebih kurang jumlah-nya 20,000 ekor ikan, itu sa-bahagian besar ada-lah di-masokkan di-dalam kolam ini Malang-nya Ahli² Yang Berhormat ini ta' ketahui (*Ketawa*).

Berkenaan dengan Forest, perkara hendak mengeluarkan kayu² dengan senang-nya, memang-lah mustahak kerana 16 peratus daripada hutan² simpan di-Pahang tidak menchukupi. Kita berkehendakkan 25 peratus daripada jumlah hutan simpan dalam Persekutuan Tanah Melayu ini. Di-Pahang hanya 16 peratus tidak-lah begitu luas. Saya fikir tidak patut ditebang lagi untuk di-buka hutan itu.

Berkenaan dengan ucapan daripada Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara, saya berucapkan terima kasih-lah atas ucapan tahniah-nya itu tetapi ada kuku sedikit. Memang-lah gaji bagi pegawai² D.I.D. atau pegawai² tinggi itu kurang. Bagi pehak mereka, mereka itu fikir gaji mereka tidak cukup tetapi itu¹ ada-lah fikiran mereka masing².

Berkenaan dengan telur dalam negeri Kelantan itu kecil, itu kerana ayam-nya kecil (*Ketawa*). Jadi, kita sekarang sudah membuat pusat penyiasaan untuk menyatukan ayam² supaya jenis itu satu dan keluaran telur-nya pun

sama banyak dan sama besar, ini sudah di-jalankan selama 4 tahun sa-tengah. Sekarang ini pusat penyiasaan di-kawasan Johore Baharu itu akan di-pindahkan pada akhir tahun ini ka-kawasan baharu di-buka dengan perbelanjaan lebih kurang \$400,000 dan apabila baka² yang baik ini yang di-katakan wonder hen itu boleh mengeluarkan telur bukan sahaja 100 biji sa-tahun tetapi 180 sampai 200 biji. Ta' payah-lah kita hendak beli dedak dan hampas kelapa dan sa-bagai-nya kerana dia kais sendiri sahaja. Itu-lah yang di-katakan ayam 'ajaib atau wonder hen. Chuma baka yang kita sudah selideki sekarang, kita dapati boleh dan bila kita sudah sampai dua tiga tahun lagi baka itu di-hantar ka-seluruh negeri ini dan di-Kelantan pun telur-nya tidak akan kecil lagi (*Ketawa*).

Saya tak bersetuju dengan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara kerana kata-nya Sharikat Kerjasama ini seperti "Hidup segan mati ta' mahu". Barangkali di-kawasan dia, tetapi tentu ada sebab²-nya dan ini terpulang-lah kepada pegawai² atau pemimpin kawasan itu sendiri. Jika sa-sabuah Sharikat Kerjasama atau pimpinan-nya itu kurang baik maka terpulang-lah kepada Ahli Dewan Undangan atau Ahli Parlimen untuk menggalak dan memimpin dalam Sharikat Kerjasama, tetapi kalau menegor-nya saya fikir susah, kerana ini ada-lah jawapan-nya juga. Perkembangan Sharikat Kerjasama sangat luas dan meliputi hampir 350,000 orang ahli. Jikalau di-cherok² itu tak begitu maju—itu saya tak tahu-lah. Saya mengaku juga bukan 100 peratus baik, tetapi 90 peratus daripada-nya baik dan itu memadai-lah.

Berkenaan dengan Kilang Uria itu nanti saya akan terangkan kelak. Berkenaan dengan Ikan Kembong bukan-lah datang-nya selalu mewah—tidak. Dia ada musim². Giliran musim-nya 4-5 tahun sa-kali sa-hingga banyak sangat dan ini menyebabkan kadang² sampai tidak laku, tetapi jikalau kita hendak mendirikan kilang buat Ikan Sardin atau sa-bagai-nya terpaksa-lah kita kena menunggu 5 tahun sa-kali baharu boleh berjalan kilang itu. Itu-lah sebab-nya tidak

mustahak di-adakan kilang itu. Bilek sejak khas itu memakan belanja berpuluh² juta ringgit, tetapi bila banyak—banyak-lah, tetapi bukan-lah sa-kali sahaja.

Berkenaan dengan bekas S.C. ini saya memang sangat bertimbang rasa. Tidak pernah saya mengambil langkah atau menyuruh Pesuruh Jaya supaya mengambil langkah terhadap bekas² pegawai S.C. itu. Yang menda'wa mereka itu bukan satu bulan, kalau 6 bulan pun tidak di-da'wa. Tetapi kalau satu tahun atau dua tahun tidak di-bayar ma'na-nya mungkir janji maka baharu-lah langkah di-ambil. Kadang² sa-sudah kita mengambil langkah untuk menda'wa di-Mahkamah maka baharu-lah di-bayar satu kali, lepas itu di-tarek balek—dia tak bayar satu tahun pula. Ini semua-nya tidak-lah salah kita. Memang kita bertimbang rasa, jikalau ada bekas² S.C. itu mengadu mengatakan Kementerian ini ta' patut, tanya dia sendiri terlebih dahulu patut atau tidak.

Ahli Yang Berhormat dari Keluang Utara ada mengatakan berkenaan dengan babi. Perusahaan babi yang di-katakan \$20,000 dan untuk perusahaan babi di-kampung \$10,000. Kalau kita hendak memelihara babi itu berkehendakkan modal yang lebeh, tetapi pemeliharaan k a m b i n g belanja-nya sedikit. Perusahaan babi itu sudah di-jalankan lama dan sekarang ini kita tidak berkehendakkan lagi. Babi² itu di-beli dari luar negeri sudah chukop banyak (tetapi belum lagi), dan baka kambing selain yang kita dapat dari Indonesia sa-banyak 40 ekor itu baka-nya baik, tetapi kita takut baka yang masuk dari luar negeri itu terpaksa kita mesti selideki terlebih dahulu ada-kah kambing² itu membawa penyakit dari luar negeri. Maka itu-lah sebab-nya kita takut jikalau kita membawa masuk baka² kambing yang baik dengan tergopoh gapah boleh jadi dia akan membawa penyakit dari luar negeri dan ini akan menyebabkan merbahaya kepada kambing² di-sini. Maka sebab itu-lah kita menguntokkan wang sa-banyak \$10,000 pada tahun ini, tetapi sa-sudah kita dapat selideki dengan baik dan dengan jagaan yang baik kita

akan menambahkan wang peruntukan itu pada tahun hadapan supaya dapat kambing² baka Benggala dari India—yang sa-elok²-nya sa-kali baka asli yang sekarang ini ada di-Indonesia. Yang sebaik²-nya kita akan chuba dari pangkal-nya dahulu dan ini kita akan jalankan.

Saya berasa dukachita kerana Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani tidak ada di-sini, kerana dia semalam telah menggarok bukan dengan kuku yang panjang, tetapi dia pakai dengan kuku besi. (*Ketawa*). Tujuan-nya hendak pakai kuku besi datang di-sini ia-lah hendak menggarok saya, jadi kapada Ahli Yang Berhormat itu saya beri layanan yang istimewa. Dia menudoh kata-nya tidak mustahak kita mengadakan *integration* kerana susah orang² hendak bacha, susah orang hendak faham dan susah kapada dia, tetapi senang kapada perjalanan Kementerian dan urusan negeri.

Lagi satu dia menudoh, kata-nya mengaku ayam ajaib—*wonder hen*, *wonder seed* tetapi saya sudah menapikan. Dia kata apa yang saya buat dalam Kementerian ini semua-nya tidak betol, mithal-nya padi. Kata-nya penyiasatan telah berjalan dua tahun dan padi itu hanya kachokan daripada dua jenis padi. Dia ada-lah sa-orang pegawai rendah dalam Kementerian saya sa-belom mengambil bahagian dalam pilihan raya dahulu. Sekarang dia menyoal atas perjalanan penyiasatan atau research yang di-jalankan oleh pakar² dalam Kementerian ini. Penyiasatan telah di-jalankan selama hampir 8 tahun dan hanya 2 tahun lagi sahaja kita sudah dapati baka baharu atau beneh baharu untuk mengeluarkan antara 1,000 sampai 1,200 gantang dalam satu ekar. Kita hendak mengambil masa pula selama 2 tahun lagi untuk menghantar baka² semua negeri kapada tiap² kawasan sawah, dan 2 tahun pula apabila tiap² pak tani atau pak sawah akan menggunakan baka jenis ini dan dengan itu dapat-lah padi seluruh kawasan dalam negeri ini mengeluarkan lebeh kurang di-antara 1,000-1,200 gantang satu ekar. Potentiality boleh jadi 800 tetapi chukop baik. Yang susah-nya Ahli Yang Berhormat itu dia tidak masuk pintu depan, tetapi

chuma menemui kawan²-nya pegawai rendah dalam Pejabat Pertanian. Pertanyaan² dan penerangan² yang dia dapat ada-lah penerangan yang silap. Saya tidak marah, tetapi hendak menjatuhkan usaha tenaga orang dengan tidak terlebih dahulu menyiasat tentu ta' patut.

Berkenaan dengan baja. Dalam negeri ini baja uria di-gunakan di-mana² sekali pun. Pada masa sekarang ini orang² tidak lagi gemar menggunakan baja nitrogen jenis lama.

Baharu² ini rombongan Persekutuan telah menghadiri Persidangan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (F.A.O.) dalam persidangan itu telah di-dapati negeri² yang hendak mendirikan kilang ammonium sulphate itu telah di-nasihatkan jangan di-dirikan, kerana itu ada-lah riwayat dahulu. Baja urea ada-lah baja yang di-akui yang mengandungi 21 peratus nitrogen dan 46 peratus urea; sekarang ini menggantikan ammonium sulphate. Baja tahi kelawar yang di-katakan-nya itu memang ada, memang telah lama di-gunakan oleh petani, tetapi baja tahi kelawar sa-telah di-selidek dan di-analisa di-dapati mempunyai phosphate sa-habis tinggi 14 peratus, kebanyakan-nya 4-6 peratus sahaja. Biasa-nya, baja tahi kelawar yang di-gunakan oleh petani itu apabila sampai ka-sawah, sa-telah di-siasat dan di-selideki tidak ada pun 1 peratus phosphate. Mereka telah di-tipu oleh sipenjual di-champor-nya dengan lumpur dan tanah yang mana mereka itu tidak tahu. Ini-lah yang sahabat kita Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani suroh kita buat (*Ketawa*) itu-lah sebab-nya kita tidak hendak. Lagi pun ia kurang faham hal phosphate yang sa-benar-nya. Baja yang di-gunakan oleh negeri ini ia-lah muriate of potash dan nitrogen, phosphate ini di-gunakan bila tanah itu kurang phosphate. Tetapi sekarang ini pakar² telah dapati phosphate itu boleh di-gunakan dari sa-tahun ka-satahun dan boleh tahan lama di-tanah itu sampai 4-5 tahun, jadi tidak sentiasa di-gunakan. Baja urea ini terpaksa di-gunakan tiap² tahun.

Berkenaan dengan Cattle Breeding Reserve yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani itu

bukan sahaja di-Kedah, tetapi di-buat di-seluruh negeri, perkara ini memang di-gezetkan (*Gazette*). Tetapi sa-telah di-kaji dan di-selideki, mana² negeri yang tanah-nya sesuai baharu-lah di-tanam rumput yang mustahak seperti rumput stylo, brachiaria dan sa-bagai-nya.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hilir, kalau kita hendak membacha dan memetek daripada surat khabar atau memetek daripada lidah pengarang-nya, memang boleh, tetapi surat khabar kebangsaan yang berfa'edah kepada ra'ayat-kah atau surat khabar untuk fa'edah penjajah? Saya dukachita kerana Ahli Yang Berhormat itu mengancham perjalanan pergerakan kemajuan padi, ia mengambil atau memetek berita daripada surat khabar penjajah. Berkenaan dengan regulated marketing, itu memang tujuan kita, sekarang kita bergerak untuk mengadakan pasaran dengan chara co-operative sa-langkah demi sa-langkah yang pada akhir-nya itu-lah tujuan kita. Saya fikir dalam masa 3-4 tahun lagi dapat-lah kita menubuhkan regulated marketing dalam negeri ini. Waktu saya melawat India dalam tahun 1957, saya sendiri telah melawat gerakan co-operative dan mempelajari chara regulated marketing bersama dengan dua orang pegawai daripada Kementerian saya.

Berkenaan dengan ayer masuk ka-laut, ayer memang selalu masuk ka-laut (*Ketawa*) itu saya akan selideki. Berkenaan dengan D.I.D. yang di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat itu saya akan ambil ingatan, dan pada hari ini memang ada pengarah-nya. Apa yang telah di-suarakan oleh Ahli² Yang Berhormat yang meminta penyiasatan dan bantuan, saya tidak akan mungkirkan, saya akan jalankan saddy-upaya saya. Ahli Yang Berhormat juga menyebutkan berkenaan dengan pergerakan sharikat kerjasama kurang maju, perkara itu saya telah beri penerangan. Perkara itu telah di-kemas-kan sa-mula 4 tahun yang lepas, pegawai-nya tidak chukup, jikalau kita hendak menjalankan 100 peratus baik dan lichen, kita berkehendakkan dua kali ganda pegawai daripada yang ada hari ini, dan tiap² pegawai itu hendak-lah di-lateh betul² sa-lama 2 tahun,

baharu-lah mereka chekap dapat membena dan menguruskan perjalanan sharikat kerjasama di-kampung itu. Orang kampung itu banyak lagi yang kurang faham atas perjalanan sharikat kerjasama ini; sa-lagi mereka tidak faham dan kurang ta'at setia kepada rukun sharikat kerjasama itu, susah-lah. Manusia biasa ini bukan mudah, kadang² ia gelap mata, bila sudah dapat berjalan dengan baik, ia gelap mata, wang sharikat kerjasama itu hendak di-masokkan ka-dalam pocket-nya, ini banyak terjadi daripada pemimpin² kita, jadi itu-lah sebab-nya mesti di-jaga baik², hendak-lah di-beri bukan sahaja semangat tetapi juga pengalaman dan tunjok ajar. Saya yakin perkara ini kita boleh buat, tetapi hendak-lah Ahli² Yang Berhormat dalam Majlis ini dan Majlis Undangan Negeri mengambil bahagian dengan chergas, kerana daripada pemimpin, daripada orang yang terkemuka yang ada mempunyai pelajaran dan pengalaman tentu-lah dapat memajukan dengan lebih lagi.

Berkenaan dengan diploma yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat—tetapi ia tidak ada di-sini—diploma itu memang ada. Dan berkenaan dengan kilang baja urea, saya suka menerangkan sedikit ia-itu 3-4 hari yang lalu Yang Teramat Mulia Perdana Menteri dan saya ada bersama telah memberi jawapan kepada satu rombongan saudagar dari luar negeri yang hendak mendirikan kilang baja urea. Yang Teramat Mulia memberi tahu kepada mereka perkara ini telah di-putuskan ia-itu sharikat kerjasama akan menubuhkan kilang baja urea dalam negeri ini. Sharikat itu telah di-tubuhkan dua bulan yang lalu ganti daripada juma'ah pengelola bank agong yang tidak mahu menerima. Ranchangan itu sekarang terang-lah kilang itu akan berjalan dengan chara sharikat kerjasama.

Dan saya sekarang minta-lah dengan sechcara resmi hari ini meminta bantuan daripada seluruh ra'ayat negeri ini dan juga daripada pemimpin supaya sokong-lah Sharikat Kilang Baja dan Kertas Bekerjasama ini. Kita pada hari ini ada-lah mendapat kutipan lebih sedikit \$2 juta dan kita berkehendakkan \$5 juta sa-belum kita dapat menyain contract.

Sa-orang pakar daripada Bangsa² Bersatu dalam teknik, ekonomi dan mengurus kilang baja bernama Dr. Parker yang akan di-hantar ka-mari oleh Pengarah Agong F.A.O. atau Pertubohan Bangsa² Bersatu bahagian makanan dan pertanian untuk memutuskan chara² teknik chara² ekonomi dan penobohan kilang baja.

Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bharu, Kelantan, telah meminta wang pinjaman untuk memelihara ayam, itu susah sedikit. Kalau kambing kerbau dan lembu itu di-bandingkan dengan ayam itu susah sedikit kerana ayam kerap kali mati kerana kalau ayam itu di-sembeleh pun di-katakan mati juga (*Ketawa*).

Ahli Yang Berhormat daripada Bentong berkenaan Information Officer, saya ucapkan terima kasih. Memang mustahak di-adakan sebab sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi. Sekarang ini kita memang melebuhkan lagi berita tani bukan sahaja di-negeri ini tetapi di-seluruh negeri ada di-jalankan. Kita akan mengemaskan supaya keluaran berita di-ibu Pejabat akan di-jalankan juga pada tahun hadapan dalam urusan ini.

Berkenaan dengan latihan luar negeri, memang-lah di-jalankan tetapi courses Post Graduate yang di-jalankan sekarang ini hanya bagi orang yang sudah tamat latihan sa-bagai pegawai² kanan untuk mengambil lagi dalam Diploma Tropical Veterinary Science. Tetapi saya sendiri fikir kita berkehendakkan juga; saya belum bertemu dengan pegawai² itu, saya fikir kita berkehendakkan juga orang yang specialist dalam penyakit² yang tertentu seperti yang di-adakan oleh Jabatan Perubatan, penyakit gembong sa-orang pakar, penyakit kongkong sa-orang pakar itu juga kita jalankan. Sunggoh pun bagitu kita ada-lah mengatasi beberapa penyakit biasa yang ada di-negeri lain yang berhampiran dengan negeri kita tetapi alham dullilah kita ada-lah terjamin. Saya sudah terangkan berkenaan dengan babi dengan kambing tadi.

Ahli Yang Berhormat daripada Kerian Laut, chuchi parit dengan chara gang, itu-lah chara-nya yang habis chekap dan habis sesuai kerana

jika kita tidak buat chara bagitu kerap kali kita dapati pekerjaan itu tidak kemas.

Yang Berhormat Ahli daripada Kota Star Selatan tadi; dia ta' ada di-sini pula, berkenaan dengan tambahan \$3 kepada penghulu² dan ketua² kampung yang datang ka-Maktab, ini akan di-timbangkan, saya fikir boleh.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Ulu berkenaan Buffalo Compensation, ini ada-lah salah. Compensation itu di-bayar bukan kerana lembu dan kerbau itu mati, tidak. Rancangan ini ada-lah membantu kerbau—memberi kerbau betina kepada sa-saorang. Apabila kerbau itu beranak jika anaknya betina maka itu ada-lah dia yang punya. Kalau anak-nya jantan ada-lah di-pulangkan kepada Kerajaan dan Kerajaan membayar pula sa-paroh harga nilai sa-telah anak kerbau itu berumur dua tahun. Jika harga-nya \$100, \$100-lah dan \$50 di-bayar kepada dia. Itu-lah di-katakan Compensation. Tujuan kita ia-lah hendak membiakkan melalui rancangan ini jikalau 2 ekor kerbau betina, kedua²-nya dia yang punya. Kalau dua ekor jantan, dia ambil sa-ekor dan Kerajaan ambil sa-ekor. Jika sa-ekor sahaja, itu-lah yang di-bayar nilai harga-nya.

Berkenaan dengan kerbau mati kerana makan rachun, itu saya akan siarkan ya'ani daripada bulan September tahun hadapan akan di-haramkan penggunaan sodium arsenite. Tetapi bagi mereka² yang kerbau-nya sudah mati kerana makan rachun itu, saya fikir da'awa-lah kepada tuan² punya Estate melalui Lawyer², saya tidak ada jalan lain hendak bagi.

Berkenaan dengan Agriculture Shows, Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Mas Ulu juga. Tujuan itu bukan-lah hendak mengadakan Agriculture Shows. Show² ini ada-lah tanggung jawab Kerajaan negeri. Dahulu kita adakan Maha tetapi Maha itu ada-lah perjalanan penjajahan untuk menjual barang²-nya, barang² pertanian seperti baja, jentera dan sa-bagai-nya. Itu-lah sebab-nya Kementerian ini tidak mahu mengambil bahagian. Kita hanya menjalankan untuk faedah ra'ayat dan untuk kepentingan ra'ayat sahaja. Oleh

itu bagi hendak membantu sedikit sebanyak menjalankan urusan² berkenaan dengan pekerjaan² seperti ini telah pun di-adakan pada tahun yang lalu.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang menyaoal berkenaan dengan perusahaan kopi. Ini dalam pertimbangan. Kita akan mengadakan rancangan untuk membantu penanam² kopi supaya mereka itu tidak teraniaya dan kita akan mengadakan satu perundingan supaya dapat kita menahan kemasokan kopi² dari luar negeri. Perkara ini boleh jadi akan mengambil masa selama satu tahun.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat sudah saya jawab lebeh kurang tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah pun saya jawab berkenaan dengan Marketing Officer. Ini ada-lah berkenaan dengan sayor yang kadang² itu banyak dan kadang² itu kurang. Sayor² ini kita tak dapat menyiasat sama ada penanam sayor supaya tanam jenis itu dan jenis ini, kerana mereka lebeh tahu lagi dalam teliti pasaran, oleh itu jikalau mereka sendiri tahu dan mereka buat salah bila satu jenis sayor kangkong mithalnya, banyak orang menanam kangkong, tetapi kurang menanam peria maka itu semua terpulang-lah kepada mereka sendiri. Kementerian ini sememang suka hendak menggalakkan orang² Tiong Hua (China) untuk menjadi ahli Sharikat Kerjasama, tetapi mereka tidak begitu gemar. Jikalau Ahli Yang Berhormat dari Damansara dapat memujuk dengan kebijaksanaan-nya maka rasa saya itu baik.

Ahli Yang Berhormat dari Raub meminta Pegawai Sharikat Kerjasama di-tempat-nya, bukan beliau sahaja tetapi di-tempat lain pun banyak meminta-nya. Saya fikir tidak kurang 44 orang. Jadi yang mana meminta dahulu saya akan hantarkan. Kita tidak boleh menghantarkan dengan segera pegawai² baharu itu sekurang²-nya 6 bulan, kalau tidak sia² sahaja—di-minta-lah bersabar!

Berkenaan dengan babi, kambing yang mati semua-nya itu saya tak tahu,

barangkali agak-nya mendapat kurang vitamin atau tua sangat. (*Ketawa*).

Semasa saya kecil² sa-belum bersekolah dahulu ranchangan mengadakan ikan trout itu telah di-jalankan oleh Enche' Soong Min Kong yang sekarang ini menjadi Pengarah Perikanan. Dia-lah yang mula² asal sekali menghidupkan ikan trout di-Cameron Highlands dan ikan ini sangat maju sampai perang Jepon dahulu sa-hingga menyebabkan orang² Darat itu suka memakan-nya. Pada masa itu tidak dapat di-kawal. Lapan bulan yang lalu saya bersama² dengan Pengarah Perikanan dan juga Dr. Ling pakar dari F.A.O. dari perikanan darat telah melawat Cameron Highlands dimana kami telah menyelideki selama dua hari dengan membuat perundingan di-sana. Kita akan mengisikan kolam tempat lama itu dengan ikan² tersebut. Ikan² itu tidak boleh hidup dalam negeri ini dan tak boleh bertelor, kerana kurang sejok. Di-Cameron Highlands itu sejok-nya dari 60, 70 atau 80 degree F., tetapi kita berkehendakkan 40 degree F. sekurang²-nya maka baharu-lah boleh ikan² itu bertelor dengan baik. Telor² itu akan dibawa dari New Zealand dan Scotland yang boleh menetas dan bukan ikan trout sahaja, tetapi juga ikan yang lain seperti ikan temuleh yang sangat berharga di-Pahang dan Perak akan di-isikan dalam kolam C.E.B. yang mana jenis yang bermutu tinggi sahaja akan di-isikan ka-dalam kolam² itu.

Berkenaan dengan alat yang banyak itu yang merunsingkan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan mereka di-sana menggunakan baja udang untuk bertanam sayor. Saya telah melawat di-sana 6 bulan dahulu dan yang susah-nya kepada penanam² sayor ini mereka tidak meminta atau menerima ajaran bagi menggunakan baja yang lain, sungguh pun telah di-chuba 4-5 kali tetapi mereka hendak juga menggunakan baja yang lama itu. Agak-nya mereka sudah gemar dengan alat² itu, tetapi saya mempunyai keperchayaan ia-itu kalau dengan cara perlahan² kita beri baja dengan harga yang murah dan sa-bagai-nya maka tentu akan dapat menggalakkan penanam² sayor itu menggunakan baja

yang sudah kita beri sa-bagai perhubungan itu untuk menggantikan udang busok yang di-gunakan oleh mereka itu.

Ahli Yang Berhormat dari Segamat Utara ada mendatangkan pandangan berkenaan dengan Kerbau Liar. Kerbau ada-lah semacham orang juga—macham² kanak², kalau tidak di-jaga baik² dia liar maka kerbau begitu juga. Hendak di-pimpin, di-urut dan sa-bagai-nya baharu-lah dia jinak. Kerbau² yang semacham itu di-dapati bukan sahaja di-Segamat Utara bahkan juga di-Pulau Tioman, dan Temerloh juga dengan tidak ada didekan—ma'ana-nya tidak di-bela. Nampak-nya tidak ada jalan yang lain, kechuali kita didek kerbau² itu semula.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara ada mendatangkan pandangan berkenaan dengan nelayan² di-Kuala Muda, Seberang Perai yang mana ada ayer masin masuk. Saya fikir ini akan memakan belanja yang berpuluh² juta ringgit. Jadi saya fikir tidak sesuai jikalau hendak menyelideki di-kawasan yang kecil itu. Nampak-nya tidak ada harapan, tetapi saya akan memberi perintah kepada Pengarah Parit dan Tali Ayer supaya membuat penyiasatan di-tempat itu.

Berkenaan dengan Assistant Registrars of Co-operative Societies dan Co-operative Supervisors yang mana kita tidak berkehendakkan lagi pada masa sekarang ini, kerana susunan itu berubah sedikit. Dan Co-operative Supervisors hendak di-naikan pangkat menjadi Registrar, itu-lah sebab-nya Assistant Registrar itu kurang. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara ia-itu Co-operative Inspectors kurang chergas, kerana sa-sudah berlatah 3 bulan lepas itu sakira-nya ada mereka yang kurang chergas maka akan di-panggil balek. Itu-lah sebab-nya desakan dari kampong berkehendakkan pegawai² yang mana terpaksa kita berbuat semacham itu. Walau bagaimana pun saya akan mengambil langkah mana² Co-operative Inspectors yang kurang chergas, kurang chekap atau kurang mahir dalam pimpinan Pertubohan Sharikat Kerjasama itu akan di-beri kursus tambahan.

Co-operative Education. Jika la u wang-nya tidak chukop kita akan meminta lagi. Saya fikir pada tahun hadapan kita berkehendakkan tambahan lagi bagi perkembangan pelajaran Co-operative Education ini. Saya yakin Menteri Kewangan akan dapat memberi tambahan dalam perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat ada memberi pandangan berkenaan dengan rachun tikus. Saya ada melawat bersama² dengan Ahli Yang Berhormat 3 bulan yang lepas dan sudah di-beri penerangan kapada dia ia-itu pegawai eropah yang baharu datang tidak tahu chara saperti pegawai yang terdahulu daripada ia. Ia takut petani itu termakan rachun tikus, tetapi sa-hingga hari ini belum ada sa-orang pun yang mati atau uzur kerana termakan rachun tikus. Keadaan itu sekarang ini sudah baik. Petani² di-beri peluang boleh membawa balek rachun itu menggunakan-nya dengan sendiri tidak payah di-bawa ka-pejabat untuk menchampur rachun itu dengan baja.

Ahli yang Berhormat dari Bagan meminta kebenaran memotong babi pada hari minggu. Perkara ini ada-lah tanggung jawab atau pun di-bawah tanggungan Town Council. Bagi Kementerian saya tidak ada apa² halangan.

Ahli Yang Berhormat dari Jebleu Jempol ada memberi pandangan berkenaan dengan wanita di-Kolej Pertanian. Perkara itu memang akan di-tambah. Dan berkenaan dengan tembakau, sekarang ini memang di-galakkan menanam tembakau untuk mengganti tanaman yang lain. Sekarang kita membuat penyiasatan yang mendalam supaya tembakau itu dapat di-tanam dengan banyak-nya di-negeri kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson ada menyebutkan berkenaan dengan Contribution to International Commission on Drainage and Irrigation and World Power Conference. Kita memang mendapat nasihat daripada surohanjaya ini dalam soal erosion dan sa-bagai-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Malacca Selatan ada membangkitkan perkara pajak musim. Ini ada-lah perkara

baharu. Sa-tahu saya pajak musim ini berkenaan dengan buah²an yang telah di-jalankan beberapa puloh tahun dahulu. Perkara pajak musim padi ini kita akan menjalankan penyiasatan. Saya fikir tidak ada, kerana sudah ada kilang padi, dan padi² di-Melaka, kita sudah monopoli sa-lama 2 tahun.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok ada berchakap berkenaan dengan Kuala Temasek. Saya dukachita sadikit kerana keputusan daripada Persidangan Pertubuhan Makanan dan Pertanian yang di-adakan di-India berkenaan dengan hendak membentok perahu atau kapal supaya sesuai dengan pantai itu sudah di-jalankan di-lain² negeri telah di-dapati bentok perahu atau kapal itu tidak sesuai. Jadi kita nasib baik, kerana kita belum mulakan lagi, kalau tidak kita rugi lagi. Sekarang ini telah di-fikirkan ia-itu tidak ada lain jalan lagi. Inshaallah, saya akan melawat Kuala Temasek itu menyiasat perlindungan pelabohan di-situ dengan Pengarah Jabatan Perikanan. Berkenaan dengan bantuan kerana kemarau atau pun banjir, penyiasatan itu tidak jelas, kerana Pegawai Pertanian Negeri Kelantan tidak menghantar laporan yang menyebutkan bantuan itu mustahak. Itu-lah sebab-nya kita tidak uruskan.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun mengeshorkan supaya buloh itu ditanam sa-chara besar²an. Saya dukachita kerana buloh yang ada ini pun tidak dapat di-gunakan, melainkan di-gunakan membuat rakit, leman dan reban ayam. Pada mula-nya dahulu kita berchadang hendak membuat kilang kertas yang mana buloh ini ada-lah satu daripada bahan-nya. Penyelidekan telah di-jalankan oleh pakar² baharu² ini telah di-dapati jerami padi boleh di-gunakan 100 peratus, tidak payah gunakan buloh sama sa-kali. Jika la u kita hendak menggunakan padi dengan buloh belanja-nya boleh jadi lebeh 50 peratus bertambah. Itu sebab-nya kita tidak gunakan buloh, kita hanya gunakan 100 peratus jerami padi. Berkenaan dengan glucose boleh di-dapati daripada buloh, itu saya tidak tahu; ini perkara baharu. Di-Kolej Pertanian memang

ada 6 orang wanita, saya selalu chenderong kepada wanita (*Ketawa*) belajar dalam hal ini. Pegawai Sharikat Kerjasama sekarang ada 4 orang wanita, kita akan tambah lagi. Publication Officer sekarang ini dengan tidak sengaja ada-lah wanita . . .

Mr. Speaker: Kenapa selalu pandang belakang?

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Kalau tidak betul penerangan saya nanti saya tarek balek (*Ketawa*).

Berkenaan dengan Subventions ia itu Sub-head 129 sampai 134, ada-lah karangan, pendapat dan penyelidikan daripada badan² (Institute) itu ada-lah sangat berguna kepada perjalanan Jabatan Perhutanan kita dalam bahagian research. Itu-lah sebab-nya kita membayar sa-bagai subscription tiap² tahun, perkara ini mustahak.

Super Menteri, daripada Ulu Kelantan, itu saya tidak mengaku. Tetapi saya mengaku saya belum melawat Ulu Kelantan. Co-operative College di-Pantai Timor saya fikir ini satu shor yang saya akan di-fikirkan dengan baik-nya. Saya sendiri yakin juga ya'ani kalau kita hendak membaiki pelajaran pergerakan Sharikat Bekerjasama, kita berkehendakkan sa-buah College di-dirikan di-Pantai Timor tetapi belum lagi masok dalam ranchangan 5 tahun yang ketiga. Saya tidak bersetuju semua sakali kepada Ahli Yang Berhormat itu ya'ani kilang baja urea itu tidak mustahak. Di-Ulu Kelantan pun mustahak.

Saya sudah menjawab ucapan Yang Berhormat Ahli daripada Segamat Utara ya'ani kerbau yang liar.

Ahli Yang Berhormat daripada Sitiawan, perkara ini ada-lah perkara Trans-Perak Irrigation yang sekarang keutamaan itu sudah di-ubah sedikit dan sa-lagi kita tidak dapat keputusan, nampak-nya kita tidak boleh buat apa² kerana kita akan membuat chara² yang boleh membaiki sawah² itu dengan chara dikit².

Ahli Yang Berhormat daripada Tanah Merah, saya telah terangkan kalau hendak da'awa, da'awa-lah terlebih dahulu kepada Manager Estate

itu kerana kerbau itu mati kerana makan rachun.

Pegawai D.I.D. memang pegawai² itu bekerja dengan baik, dengan chergas. Langkah akan di-ambil oleh kerana tegoran daripada Yang Berhormat itu untuk menyiasat ada-kah benar tuduhan² itu atau tidak.

Kursus bagi memelihara ikan darat itu, kita akan di-berikan. Kita bukan sahaja memberi kursus tetapi juga kita akan memberi anak ikan, ini akan di-berikan kepada seluroh ra'ayat di-merata cherok rantau negeri ini itu-lah tujuan kita. Dan juga saya hendak terangkan chara umum bahawa kerbau² kita akan di-untokkan berpuluh juta ringgit untuk membaiki ternakan kerbau lembu di-kampong² di-seluroh negeri ini dalam ranchangan 5 tahun, ini akan kita terangkan. Tidak kira kawasan mana pun tidak akan ketinggalan tetapi hendak-lah nyata ada kemajuan di-kawasan² itu atau kampong² itu berkehendakkan sunggoh² hendak memelihara kambing atau kerbau.

Harga kopi sudah saya jawab.

Tebu, Ahli Yang Berhormat daripada Batu Pahat, tebu memang satu jenis tumbuh²an atau tanaman yang kita akan ulang samula penyiasatannya. Penyiasatan sedang di-jalankan dan beneh tebu yang sesuai untuk ditanamkan akan di-siasat. Saya fikir jika harga getah jatuh belakang hari ada harapan harga tebu akan menggantikan tempat-nya.

Berkenaan dengan Sindhi Cattle yang di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Batu Pahat, memang banyak kita sudah keluarkan di-kampong, lebih 250 ekor tetapi seperti saya katakan itu berkehendak juga 40 ekor lembu betina untuk di-layankan oleh sa-ekor baka Sindhi Cattle ini. Tetapi kebanyakan dahulu-nya, di-hantarkan kepada Estate² di-mana orang² India ada memelihara-nya banyak. Kalau di-kampong berkehendakkan daripada Sindhi Cattle itu kita boleh-lah hantarkan.

Belat pok, ini perkara yang sangat susah. Satu pehak hendak mengharam-

kan belat pok dan satu pehak pula hendak sokong supaya belat pok itu diadakan. Tetapi pehak yang banyak itu tidak berkehendakkan. Jadi, kalau faedah ramai tentu-lah kita hendak hapuskan. Jika sa-ribu keluarga tentu-lah banyak kalau 30,000 keluarga tentu-lah lebih banyak. Jadi, dasar Kementerian ini ia-lah supaya hendak hapuskan semua belat pok. Sunggoh pun Kerajaan negeri Perlis ta' ber-setuju, itu lain-lah ra'ayat sahaja akan menjadi hakim.

Saya ucapkan terima kaseh atas ucapan tahniah dari Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara. Tempat nelayan Kuala Linggi itu, alhamdullillah akan di-mulakan dan wang-nya sudah di-sediakan untuk di-jalankan dengan serta merta.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Tengah, ternakan latehan ayam itu memang-lah akan di-jalankan.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Alor Star berkenaan dengan pam. Di-Alor Star memang tidak ada pam kerana bekalan ayer ini termasuk dalam ranchangan.

There are no irrigation pumping schemes in Kedah. So the Honourable Member was thinking of something else. The area in which a temporary pump was installed in 1957 is now served by gravity by the Kubang Pasu main canal.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur ada mendatangkan pandangan berkenaan dengan Drainage and irrigation. Saya telah melawat di-kawasan itu 2 tahun yang lalu, oleh kerana lombong ada satu dan maseh berjalan lagi. Itu-lah sebab-nya yang sungai itu banjir. Kawasan kecil Rantau pada masa sekarang ada di-buat dan di-gali, maka apabila lombong ini tidak berjalan lagi keadaan ini akan bertambah baik lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara ada mendatangkan pandangan berkenaan dengan Pumping Scheme Sungai Telok Rimba—sungai penarek. Memang Ahli Yang Berhormat itu dan saya sendiri telah melihat bersama², sunggoh pun dia tahu tetapi dia

bertanya juga. (Ketawa). Biar saya terangkan ya'ani tanam sayor, oleh kerana tanam sayor pada kawasan lembah dan hendak juga di-tanam itu mesti-lah banjir, tetapi kalau tanam di-tempat tinggi sedikit tentu-lah tidak ada banjir. Demikian juga Ahli Yang Berhormat dari Tumpat berkenaan dengan ayer masin yang masuk ka-kampung itu akan di-siasat.

Saya berasa dukachita tuduhan yang di-beri oleh Ahli Yang Berhormat dari Temerloh terhadap Pegawai Pertanian yang kata-nya tidak bekerja di-pejabat. Saya hendak kata benar pun tidak patut, jadi tentu ada silap di-mana² negeri, dan saya akan perentahkan supaya di-siasat.

Agricultural Shows sudah saya jawab tadi. Animal Husbandry Education memang kita galakkan memberi kursus bagi melateh orang² berpong dalam usaha hendak menternak kerbau, lembu dan lain².

Ahli Yang Berhormat dari Kluang Selatan ada berchakap berkenaan dengan babi. Tadi saya sudah terangkan dan saya ucapkan terima kaseh di-atas tahniah dan sa-bagai-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Jitra-Padang Terap ada memberikan fikiran-nya. Pasaran memang di-jalankan dan memang di-utamakan sekarang ini. Saya fikir Ahli Yang Berhormat itu boleh berhubung dengan Pegawai² Penolong Pesurohaja Sharikat Kerjasama di-sana di-mana kerjasama akan lebih rapat lagi yang akan di-jalankan bersama.

Ranchangan Tasek Perlis ada 3 ekar tanah. Tasek itu ada 3 ekar persegi dan saya memberi jaminan akan menghantar pakar² dan pegawai² untuk membersekan kolam tasek itu supaya jangan ada musoh² ikan. Sa-sudah itu kita akan membuat tapak atau kolam yang berhampiran dengan tasek itu di-mana anak² ikan yang kita akan isikan dalam kolam itu di-pelihara dengan baik-nya dan ini akan di-jalankan.

Berkenaan dengan churi kerbau ini memang kebiasaan—kebiasaan di-kawasan² sempadan terutama sekali di-sempadan Siam dengan Perlis.

Kerbau² daripada sana kadang² masuk di-seberang sempadan di-antara satu dengan lain. Itu-lah sebab-nya daging murah di-tempat sempadan itu jika di-bandingkan daripada tempat² lain. Ini satu perkara yang sangat susah dan sememang kita mengambil perhatian yang berat dengan bermacam² chara supaya dapat kita mengatasi masaalah tersebut. Berkenaan dengan chap besi memang benar telah di-lengahkan sembeleh-nya. Menternak binatang² dengan chara Sharikat Kerjasama ini memang di-galakkan dan memang sudah banyak ada di-Kelantan.

Ahli Yang Berhormat dari Pinang Selatan ada berchakap berkenaan dengan pukut. Semasa saya waktu muda dahulu menjadi Pegawai Perikanan perkara ini sememang sudah ada berlaku ia-itu 25 tahun dahulu. Perkara yang semacham ini memang susah sangat hendak di-tangkap penchuri² itu, kechuali dengan kawalan yang kuat dan yang ketat baharu-lah dapat di-tangkap. Pehak Marine Police pada masa ini memang menjaga kawalan yang chukop, jadi kalau perlu Ahli Yang Berhormat itu sendiri bersama² menjaga-nya perkara itu.

Saya yakin kita boleh buat sawah 2 kali sa-tahun di-kawasan Ahli Yang Berhormat dari Pinang Selatan dengan segala usaha dan tenaga oleh pegawai² yang berkenaan akan di-tumpukan di-kawasan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kampar ada berchakap berkenaan dengan synthetic rice. Ini-lah kali yang pertama saya mendengar-nya, sunggoh pun saya banyak membacha Majallah² Pertanian dari luar negeri, tetapi walau bagaimana pun saya belum mendengar apa² penerangan dari pakar² pertanian. Saya minta supaya Ahli Yang Berhormat itu menghantar siaran tersebut kepada saya.

Berkenaan dengan Tanjong Sepat berhubung dengan banjir di-kawasan itu akan di-siasat dan saya mengaku Jabatan Perikanan Port Swettenham itu tidak ada talipon. Kita sudah minta talipon² itu memang lama, tetapi bagi wang untok talipon itu belum dapat lagi.

Ahli Yang Berhormat itu ada bertanya berkenaan dengan herbarium untok perubatan. Rakan saya Yang Berhormat Menteri Kesihatan akan menjawab-nya apabila ia memberi penerangan. Saya berasa sukachita dan gembira, kerana Ahli Yang Berhormat dari Besut bersetuju dengan saya atas kebebasan atau kemerdekaan berkenaan dengan scientific dan technology itu. (*Tepok*).

Question put and agreed to.

The sum of \$14,863,856 for Head 14 ordered to stand part of the Schedule.

Head 15—

The Minister of Commerce and Industry (Enche' Mohamed Khir Johari): Mr. Speaker, Sir, the overall requirement of my Ministry for 1961 is only \$3,003,485—the smallest amount required by any Ministry. My speech will therefore be a short one—in proportion to the amount asked for.

The total amount requested is \$967,509 less than the current year's provision. This is in spite of the provisions made for the establishment next year in the Ministry of three new services—a Secretariat for Malay Participation in Commerce and Industry, a Productivity Centre and a Trade Marks Registry. Honourable Members will no doubt agree with me that this is a case of less money for more work.

Honourable Members will note the provision of \$125,777 for the establishment of the Productivity Centre. This expenditure is very much dependent on our obtaining the necessary financial help from the United Nations Special Fund. An application has been made for financial assistance amounting to \$1,530,000 over a period of 5 years. If this application is approved experts from the International Labour Organisation will be sent here to help run the Centre.

With regard to the creation of the three new services I mentioned earlier, Honourable Members will remember that during last year's Budget Meeting the question of providing adequate measures to assist the Malays to have a greater participation in Commerce

and Industry, and the question of providing a Registrar of Trade Marks in Kuala Lumpur, were raised and I promised then that these questions would be looked into; and in fulfilment of this promise my Ministry has taken steps to provide a Secretariat for Malay Participation in Commerce and Industry and to have our Registry of Trade Marks in Kuala Lumpur next year. The establishment of the Productivity Centre has been the result of recommendations by International Labour Organisation experts. The object is to provide local industries with facilities for managerial and supervisory training and advice on various aspects of industrial productivity and efficiency.

The additional Assistant Secretary for Commerce and Industry required will take charge of the Secretariat for Malay Participation in Commerce and Industry.

The post of Financial Assistant for the Rubber Replanting Scheme has been found to be necessary in view of the fact that the expenditure of the Government Rubber Replanting Schemes in respect of New Planting is now increasing. It has been estimated that it would cost the Board not less than \$2,500 p.m. if it were to employ professional treasurers to look after these accounts. An experienced Financial Assistant should be able to undertake this work at a much cheaper cost.

The post of Supernumerary M.C.S. in the Industrial Development Division was created late this year to enable a Malayan officer to have training in the work of the Division in view of the impending retirement of both the Controller and Deputy Controller of the Division under the Malayanisation Scheme. This post is personal to the present holder, and will lapse on his re-posting.

The additional post of Assistant Controller for the Trade Division is required for the Trade Commissioner Service overseas. It has been agreed that Trade Commissioners overseas should be trade officers from this Ministry. It is proposed to make a start with the training of one officer

next year and for this reason the additional post of Assistant Controller of Trade Division has been included in the 1961 Estimates.

The additional staff requirement of the Productivity Centre is as recommended by the I.L.O. experts.

Turning to O.C.A.R., the only notable increase is in item "Inspection Fees (Rubber Replanting Scheme)" from \$5,000 to \$22,000. These inspection fees are mainly in respect of inspection carried out under the Rubber Industry (Smallholders New Planting) Scheme, 1957. The Scheme has made good progress this year and a total of 74 schemes have been registered which will have to be inspected in 1961.

I would like also to explain Sub-head 10 "Expenses of Trade Marks Registry". The provision of \$41,600 for the current year is for expenses of the Branch Office in Kuala Lumpur and contribution towards the Pan-Malayan Registry in Singapore. I have told Honourable Members earlier that next year we will have our own Registry in Kuala Lumpur. But the Registrar-Designate will have to be trained at least for four months in the Singapore Registry before he sets up the Registry in Kuala Lumpur. The provision of \$15,770 is for office expenses and printing and stationery for Kuala Lumpur Office and for contribution to Singapore for the period of four months to enable work to be continued in Singapore during the period the Registrar-Designate is under training.

On Special Expenditure, I would like to invite the attention of the Honourable Members to Sub-Head 18 "Expenses and Fees of Development Advisers" and Sub-Head 20 "Transitional grants to cover loss on Electricity Supplies to New Villages". The provision of \$18,000 under Sub-head 18 is for meeting the expenses of 3 experts from UNTAA, ILO and the World Bank to advise on tourism, productivity and industrial development. The experts are expected to be here in 1961.

The sum of \$1,000,000 under Sub-head 20 is required to meet the

expenditure on Electricity Supplies to New Villages. This amount will however be offset by a revenue from the sale of electricity estimated at about \$680,000. The actual amount to be subsidised by the Government is therefore estimated to be approximately \$320,000. I mentioned last year that the C.E.B. was undertaking a review of the economics of this supply. The review has now been completed and the Board's report and recommendations are expected to be made to Government very soon.

Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad (Kuala Trengganu Utara):

Tuan Pengerusi, muka 79, Item I, dalam perkara ini tentu-lah menjadi harapan yang benar oleh orang² Melayu dalam negeri ini terutama sakali orang² Melayu yang hendak mengambil bahagian dalam lapangan perniagaan, ini sentiasa-nya-lah mengharapkan Menteri Yang Berhormat ini boleh memberi bantuan dalam berbagai rupa yang boleh menjayakan dalam lapangan perniagaan. Tentu-lah perkara yang besar sakali di-harapkan oleh orang² Melayu yang sudah mengambil bahagian atau yang hendak mengambil bahagian dalam lapangan perniagaan, sa-saorang Menteri itu ada-lah menjalankan ikhtiar² yang tegas kerana Yang Berhormat Menteri ini mencharikan peluang² yang boleh di-chapai atau di-sedari oleh perniagaan Melayu dalam lapangan perniagaan.

Saya tertarik hati apabila mendengar Yang Berhormat Menteri baharu sebentar ini telah menyebutkan perkara penubuhan sa-buah badan Secretariat bagi membantu orang² Melayu di-dalam lapangan perniagaan. Tentu-lah sangat di-harapkan bahawa badan Secretariat ini akan menjadi satu badan yang benar² boleh memandu orang² Melayu bukan sahaja di-dalam memberikan nasehat² tetapi juga di-dalam menolong orang² Melayu hendak mengambil bahagian di-dalam perniagaan ya'ani menjalankan perusahaan-nya di-dalam lapangan itu. Dan saya berharap bahawa badan Secretariat ini akan di-anggotai oleh orang² yang benar² mengerti di-dalam lapangan perniagaan dan juga orang yang berpengalaman di-dalam lapangan tersebut.

Saya berharap supaya tidak-lah badan Secretariat ini akan menjadi satu badan yang hanya boleh menolong orang² Melayu mencharikan kerja di-dalam gudang² perniagaan atau pun boleh-lah menolong orang² Melayu mendapatkan latehan menjadi penjaja atau salesman dalam lapangan perniagaan ini. Tetapi apa yang di-harapkan ia-lah boleh membantu dan menolong orang² Melayu dalam perkara² yang lebih besar lagi daripada ini, mithal-nya di-dalam perkara menjadi Pengurus dengan segala perniagaan yang besar² sahaja. Sebab, masalah seperti ini juga telah menjadi satu perkara yang menghalang beberapa banyak sharikat² perniagaan Melayu mati oleh kerana tidak ada orang² yang cukup berpengalaman dan mengerti di-dalam menjalankan pekerjaan menjadi Pengurus di-tiap² perniagaan yang besar itu.

Dalam soal memberikan nasehat atau sa-bagai-nya kepada orang² Melayu hendak berniaga, dalam bahagian perniagaan ini sa-belum ini juga telah di-tubuhkan beberapa jawatan-kuasa² penasihat atau pun jawatan-kuasa² membuat beberapa memorandum bagi memberi shor²-nya berkenaan dengan membantu ekonomi orang² Melayu. Tetapi di-dapati di-dalam hasil daripada pekerjaan itu hanya nasehat² sahaja tidak di-sertai dengan dorongan dan amalan oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini saya dapat tahu daripada Menteri di atas satu ura² yang telah di-sebutkan oleh Menteri ini sedikit masa yang lalu berkenaan dengan ura²-nya hendak menubuhkan satu penanaman modal orang² Melayu yang boleh bekerjasama dengan sharikat² perniagaan yang besar bangsa asing yang hendak menjalankan perniagaan dalam negeri ini. Saya suka dapat penjelasan nanti daripada Menteri Yang Berhormat itu atas perkara ini. Oleh kerana ada-lah satu perkara yang telah menarik perhatian sa-bahagian besar orang² Melayu yang mempunyai wang atas kesanggupan bagi membelikan share² itu bahagian-nya dalam sharikat pemodal seperti itu. Sungguh pun Yang Berhormat ini tentu-lah sedar barangkali sungguh pun mithal-nya seperti sharikat bekerjasama

hendak menubuhkan sharikat perniagaan baja tetapi tidak-lah semua orang² Melayu chenderong atau suka hendak menyertai sharikat bekerjasama membuat baja seperti itu tetapi ada orang² Melayu yang lain suka menanam modal-nya dalam lapangan perniagaan yang lain. Dan ini-lah yang di-harapkan Menteri ini boleh memberi penerangan atas perkara ini.

Satu perkara lagi yang berkaitan dengan Menteri Yang Berhormat ini ia-itu sedikit masa sa-belum ini, saya telah mendengar ura² daripada Menteri ini, yang di-hebohkan-nya ia-itu seperti dewan² perniagaan yang ada di-dalam negeri ini yang berchorak perkauman supaya di-tubuhkan atau pun di-satukan dengan dewan² perniagaan yang berchorak perkauman yang lain² supaya di-dalam negeri ini hanya ada satu sahaja dewan kebangsaan. Apa yang suka saya mendapat penjelasan sedikit ada-kah shor yang telah di-bangkitkan oleh Menteri Yang Berhormat sedikit masa yang lalu itu telah berjalan. Dan saya suka-lah mendapat tahu dalam perkara ini ia-itu bagaimana-kah sambutan, ada-kah ura² ini telah diam bagitu sahaja. Oleh kerana ada-nya khabar angin yang mengatakan bahawa dewan perniagaan yang berchorak perkauman daripada yang bukan bangsa Melayu; saya tegaskan seperti dewan perniagaan China, dewan perniagaan India dalam negeri ini ada khabar² angin mengatakan bahawa dewan² perniagaan ini tidak bersetuju di-atas shor itu.

Mr. Speaker: Saya chuma hendak mengingatkan, banyak kali Yang Berhormat berchakapkan di-atas dasar umum. Saya boleh benarkan dasar umum di-chakapkan dengan syarat semasa Menteri berchakap tadi ada di-sebutkan perkara itu. Tetapi boleh juga Yang Berhormat churi² sedikit berchakap di-atas dasar umum tetapi jangan panjang. Bila di-panjangkan saya mesti tahan. Pendek sahaja, itu boleh.

Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, itu-lah yang saya nyatakan perkembangan yang telah timbul daripada perkara yang

telah di-hebohkan oleh Yang Berhormat Menteri itu. Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka menyentoh perkara yang di-sebutkan dalam muka 81, Item 79, 80, 81 dan 82. Apa yang saya fahamkan daripada Item ini sa-kurang²-nya seperti Assistant Controllers Trade Division ini ada sa-orang yang di-tugaskan khas kerana menjaga bahagian perniagaan kelapa dan minyak kelapa di-dalam negeri ini. Apa yang hendak saya sebutkan ia-lah, saya berharap supaya Menteri Yang Berhormat dapat-lah memberi satu jaminan bahawa Assistant Controllers Trade Division yang menjaga bahagian kelapa dan minyak kelapa itu boleh-lah memberikan kerjasama-nya dan pertolongan pada masa ka-hadapan ini, sa-kira-nya ada sharikat² bekerjasama yang hendak mengambil bahagian di-dalam lapangan perniagaan kelapa dan minyak kelapa dalam negeri ini.

Enche' Liu Yoong Peng (Rawang): Mr. Speaker, Sir, I rise to speak under Head 15, Subhead 1, items (1) and (2) as well as under Subhead 3, items (42) and (43).

Sir, as regards Subhead 1, items (1) and (2), salary of the Minister of Commerce and Industry and that of the Assistant Minister of Commerce and Industry, the whole amount, as you can see, amounts to \$60,000. With due respect to the two Ministers concerned, I think it is too big a sum for them, because of the incompetency of the two Ministers. I say this, because I think the two Ministers do not have the reasoning that is required to undertake a job of such nature and to be in charge of the Ministry of Commerce and Industry. This Ministry, we know, is of so great importance to the prosperity of our country. This is a Ministry where we require Ministers who would be able to foresee the future trend of economy not only in Malaya but all the world over. We do not require men who can only receive advice from civil servants or who will only wait until the experts come along to give advice. And by now the Minister should know that the future of Malayan economy is in danger because the rubber industry—as we know, rubber is one of the most important

local materials of Malaya and over 51 per cent of the resources of this country come from rubber—is facing a severe threat from the world market, from synthetic rubber. We know, of late, that there is a new type of synthetic rubber known as Cis-1, 4 polyisoprene which is of such a good quality that it is taking over a lot of the use which was formerly given to the natural rubber. We also know that research is going on into the improvement of these synthetic products and that in the future more and more of synthetic rubber will be used in countries all over the world—not only in the United States but also in the United Kingdom, in Europe, and possibly, if we are not careful enough, even in the Communist countries. We further know that the production of synthetic rubber has reached a stage where the price of some of the synthetic products are actually competitive to that of the natural rubber. One type of synthetic rubber costs 27 American cents, and that is equal to somewhat around 81 Malayan cents.

Mr. Speaker: You are wandering on to the general principles of the policy. We are now discussing on the policy of the service for which provision is made in the Estimates. You should know that.

Enche' Mohamed Khir Johari: The Member is rather incompetent. *(Laughter)*

Mr. Speaker: If you talk too long on that, I will stop you. You cannot talk about synthetic rubber, because that matter comes under general principles. You can raise questions and ask the Ministry to do this and that.

Enche' Liu Yoong Peng: Sir, I would not go too much into the details of the economics, but I am merely trying to show the incompetency of the Ministers. *(Laughter)*. So, without my going into the detail, I think the Minister should know the danger that Malaya is facing from synthetic rubber and as to how we could tackle this competition of synthetic rubber. We find that the price of Malayan rubber fluctuates very much, which is causing

uncertainty in the minds of rubber consumers, so much so that now even the big producers, the big owners of Malayan rubber plantations—these big, big concerns which are actually controlled by the foreign companies—are having their own synthetic rubber plants, so that at the time when the price of natural rubber is high, some of these companies do resort to the use of their own products from the synthetic plant. So, if this state of affairs is allowed to go on, then more and more of the synthetic rubber will be used to replace the natural rubber; and even Russia and China, if they cannot be sure of a stable price from Malayan rubber, will also be using more and more of the synthetic rubber. I say this not out of any political motive but because of the fact that only very recently the Russians bought a very up-to-date synthetic plant from the United States, and they have also bought a tyre manufacturing plant utilising synthetic rubber from the U.K. So we must be realistic; we must face facts. This has nothing to do with politics. We are thinking of commerce, of business, and of our industry as well. So, in fact, to ensure that there is a market for Malayan rubber, we must try our best to stabilise the price of rubber to a certain extent. The immense fluctuations in the price of rubber are causing so much uncertainty in the minds of the consumers of rubber that they will resort more and more to the erection of synthetic plants. Once they have got their own plants, then the natural thing for them to do is to continue to use synthetic rubber. So, this is a big danger which Malayan economy is facing. But what has our Government done to stabilise the price of rubber? I would say, none. The Government has left the price of rubber to the whims and fancies of the speculators.

Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara): Mr. Speaker, Sir, I rise on a point of order. I refer to S.O. 66 (2) which says that the speech shall be confined to the general principles of the Government policy, and I think the Honourable Member is rambling so much, going on round and round. May I have your ruling, Sir?

Mr. Speaker: (*To Enche' Tajudin*) You are wrong in pointing out that Standing Order (*Laughter*). I have learnt by heart the Standing Orders. You would have been right if you had quoted Standing Order 66 (11). Please sit down (*Laughter*). (*To Enche' Liu Yoong Peng*) It is time now. Have you finished?

Enche' Liu Yoong Peng: I will continue on Monday, Sir. (*Laughter*).

ADJOURNMENT

Dato' Dr. Ismail: Mr. Speaker, Sir, I beg to move that this House do now adjourn.

The Minister of Health and Social Welfare (Dato' Ong Yoke Lin): Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Adjourned at 1.00 p.m.